

ملاك هاري اين



Rintihan  
si penoreh  
getah  
**MUKA 8**



NASKHAH PERCUMA

Edisi 21 | 26 Oktober 2020 - 1 November 2020 | 9 Rabiulawal 1442H - 15 Rabiulawal 1442H | PP 19464/D4/2019/ (035072) | Sejak 1982 | [www.melakahariini.my](http://www.melakahariini.my) | Melakahariini

# “KAMI BIMBANG”



Foto Syaf Rumaizie Syafie

## Variasi

Bukit Gapis diisythiar sebagai Gunung Melaka



**MUKA 19**



## GAPURA MINDA

Dr. Sabri menulis tentang isu pekerja

**MUKA 16**

MASALAH hakisan pantai yang semakin membimbangkan telah dipandang serius oleh kerajaan negeri. Malah, kerajaan negeri mengambil langkah drastik dengan menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan Hakisan Negeri Melaka bagi memantau dan mengkaji punca serta akibat daripada hakisan yang berlaku. **MUKA 2, 3 DAN 4**

## On-Line Learning Virtual Classroom Program Latihan dalam Talian secara Maya



Kami telah mengenalpasti program latihan yang berkesan untuk anda dan organisasi anda. Kesemua Program Latihan dan Pembangunan dijalankan secara maya. Sila imbas QR kod disebelah kanan untuk maklumat lanjut.

- ✓ Post Graduate – Bridging the Gap
- ✓ Interpersonal Skills
- ✓ Performance Management
- ✓ Leadership & Influence
- ✓ Train-The-Trainer
- ✓ Succession Planning
- ✓ Work Life Balance
- ✓ Creative Problem Solving
- ✓ Halal Awareness
- ✓ Service Excellence



**STARSPACE**

CONSULTANCY  
Team Development Training

En. Ahmad Bukhari 019-479 1887  
Pn. Zaleena Khalil 012-320 9522  
[www.starspace.com.my](http://www.starspace.com.my)



MOHD FAIZUL ABDUL MAJID



NOR AZMAN

## Kertas kerja sudah dihantar kepada PM

KERTAS kerja membabitkan projek bernilai RM13 juta untuk mengatasi hakisan Pantai Puteri sudah dihantar kepada Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk dipertimbangkan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundor Datuk Nor Azman Hassan berkata, kertas kerja itu telah dihantar ketika lawatan pemimpin tertinggi negara itu ke Melaka, baru-baru ini melalui Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali.

Antara intipati surat itu katanya, adalah cadangan kaedah alat 'geotube' sepanjang 2.1 kilometer (KM) di pantai berkenaan yang membabitkan pemasangan satu paip besar ke tengah laut dan diyakini mencegah pergerakan pasir-pasir di pantai.

"Kertas kerja itu memang sudah dihantar, tapi kita tahu ia akan memakan masa. Cuma kita akan cuba tekan-kan dan berharap ia akan disegerakan."

"Pada saya kaedah 'geotube' yang dihantar itu adalah kaedah terbaik meramandangkan kita ada ramai nelayan pesisir pantai di Pantai Puteri yang mencari sumber pendapatan dengan melanggai udang dan menyungkur geragu."

"Apa pun, sudah pasti akan ada kajian lanjut tentang keberkesanannya kaedah ini yang akan dijalankan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta agensi berkaitan," katanya.

Mengenai masalah hakisan, Nor Azman berkata, keadaan di pantai berkenaan semakin serius memandangkan beberapa batang pokok rhu yang ditanam di kawasan pantai didapati tumbang.

Selain pokok tumbang, bangunan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) yang terletak berhampiran Pantai Puteri menunjukkan keretakan, selain turut melibatkan kawasan parkir berhampiran pentas budaya yang sudah terhakis hampir 20 kaki.

# Penduduk bimbang pantai lenyap

**PANTAI KUNDOR** - Kawasan berpasir di Pantai Puteri dikhuatiri akan hilang ditelan hakisan pantai, sekiranya masalah itu tidak ditangani segera.

Itu kerisauan yang disuarakan nelayan, Anuar Khamis, 39, berikutan masalah hakisan yang kini berada di tahap kritis di kawasan pantai peranginan itu.

Dia yang sudah lebih 20 tahun menjadi nelayan berkata, tanpa tindakan segera dilakukan pihak terbabit, kawasan pantai sejauh 2.5 kilometer itu akan kembali seperti asal yang menyaksikan kawasan tembok di tepi jalan raya dinaiki air laut.

Justeru, dia meminta pihak terbabit menyegerakan proses menyelamat pantai berkenaan secepat mungkin bagi membendung perkara itu

dengan kadar segera.

"Kami syor kerajaan untuk buat batu pelindung pantai di kawasan ini. Ia bermaksud, satu benteng batu panjang yang melengkung ke laut di kiri dan kanan yang akan membentuk lagun di kawasan ini."

"Saya yakin dengan adanya batu itu, ia akan mengurangkan masalah hakisan terutama ketika musim angin barat dan angin selatan."

"Jika tidak sesuai, mungkin boleh bina satu longkang atau apa sahaja yang bersesuaian. Tanyalah semua pihak bagaimana cara yang paling sesuai dan percepatkanlah tindakan untuk mengelakkan situasi lebih buruk," katanya.

Nada sama turut disuarakan seorang lagi nelayan pesisir pantai Rosli Ahmad, 50.


Dia yang juga penduduk asal Kampung Tanah Merah Jaya berkata, pihak terbabit perlulah mengadakan pertemuan dengan semua ahli ilmuan berkaitan hakisan pantai bagi mendapat satu penyelesaian terbaik yang boleh mengawal masalah itu untuk tempoh jangka masa panjang.

"Tahun lalu sudah pernah buat tambak pasir dengan kos kira-kira RM2 juta, tak sampai setahun, tambakan pasir itu sudah habis begitu sahaja."

"Jadi, kita perlulah ada satu pelan inisiatif lain. Saya harap sangat semua pihak bijak pandai di atas sana berbincanglah segera. Buatlah kajian bersesuaian untuk pantai kita yang pendek bagi memastikan imej Pantai Puteri dapat kita kekal."



KAWASAN DUN Kuala Linggi antara yang terjejas teruk akibat hakisan pantai di negeri ini. (Foto Syaf Rumaizie Syafie)



# Mahu selesai masalah segera

Anggaran peruntukan dalam sekitar RM10 juta, namun bergantung kepada keputusan menteri untuk meluluskannya dalam masa terdekat.

KUALA LINGGI - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Linggi, Datuk Wira Ar. Ismail Othman memandang serius masalah hakisan pantai yang turut melanda di kawasan DUNnya baru-baru ini.

Katanya, perkara tersebut telah dipanjangkan kepada Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali serta Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man.

"Isu hakisan pantai di kawasan DUN Kuala Linggi agak serius, dan disebabkan itu saya telah berjumpa dengan Menteri Alam Sekitar dan Air (Tuan Ibrahim Tuan Man) bagi memohon peruntukan jangka masa pendek untuk menyelesaikan masalah hakisan pantai yang turut melanda di kawasan DUNnya baru-baru ini," katanya.

saikan masalah hakisan yang turut menjelaskan ekonomi ne-

layan setempat. "Anggaran peruntukan dalam sekitar RM10 juta, namun bergantung kepada keputusan menteri untuk meluluskannya dalam masa terdekat kerana beliau perlukan masa untuk menyemak permohonan tersebut," katanya.

Ismail yang juga Pengurus Jawatankuasa Perpaduan, Hubungan Masyarakat, Tenaga Kerja dan Hal Ehwal Pengguna negeri menjelaskan, beliau bukan sahaja memfokuskan kepada penyelesaian jangka masa pendek, namun turut mengutamakan pelan jangka masa panjang.

"Untuk jangka masa panjang, kita perlu buat kajian terperinci."

"Kita (kerajaan negeri) meminta pihak Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) membuat kajian makro bagi kenal pasti apa yang menyebabkan hakisan pantai ini terjadi," tambahnya.




ISMAIL



SPEAKER Dewan Undangan Negeri (DUN) Datuk Seri Ab. Rauf Yusoh bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bidara Datuk Md Rawi Mahmud ketika melawat kesan hakisan pantai di kawasan Lestari Chalet di pantai Pengkalan Balak, baru-baru ini.

## Kawasan terjejas hakisan sepanjang negeri Melaka





KETUA Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali bergambar bersama barisan ahli lembaga pengarah Institut Tun Perak (ITP) serta Ketua Pegawai Eksekutif ITP, Datuk Dr. Sabri Mohamad Sharif (tiga kanan) dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah ITP di Bilik Mesyuarat MMKN, di Seri Negeri, pada 22 Oktober lepas.

Dalam mesyuarat tersebut, Sulaiman menekankan mengenai peranan ITP sebagai agensi badan pemikir buat kerajaan negeri dalam memacu kemajuan Melaka amnya. Selain itu, beliau yakin ITP boleh menjadi pusat mengumpulkan kepakaran dan idea-idea baharu serta perlu menjalankan penyelidikan, program, pendidikan, penerbitan dan perundingan yang memberi impak tinggi, bagi menggerakkan kemajuan negeri untuk kesejahteraan rakyat.

## Melaka tubuh jawatankuasa tangani hakisan pantai

Saliawati Salberi

BEMBAN - Beberapa pantai di Kuala Linggi dikenal pasti sebagai zon merah akibat hakisan pantai yang berlaku di kawasan itu kini berada di tahap membimbangkan dan merbahaya.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Daerah, Luar Bandar dan Pengurusan Banjir, Datuk Seri Utama Ir Idris Haron berkata, selain kawasan itu Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) turut mengenal pasti beberapa kawasan lain yang berada di tahap sederhana dan permulaan hakisan yang dizonkan mengikut zon merah, kuning dan hijau berdasarkan situasi hakisan yang berlaku di situ.

Beliau berkata, bagi menangani isu hakisan itu dari pada terus merebak, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka (MMKNM) bersetuju membentuk Jawatankuasa Pemantauan Hakisan Negeri

Melaka telah ditubuhkan pada dua minggu lalu bagi memantau dan mengkaji punca serta akibat daripada hakisan yang berlaku.

"Kerajaan negeri amat memandang serius insiden hakisan serta pergerakan tanah pantai disepanjang kira-kira 72 kilometer yang berlaku perairan Melaka dan saya percaya penubuhan jawatankuasa ini adalah penting dan kena pada masa serta tempatnya."

"Kawasan pantai di Telok Gong, Kampung Tengah serta Kota Supai sudah sampai di tahap parah dan Tanjung Bidara tidak lagi berada ditahap itu manakala di Pantai Kundor, Serkam, Umbai serta Sungai Rambai ada bahagian yang menampakkan akan sampai ke tahap parah," katanya.

Menurut beliau, kawasan Pantai Siring pula perlu diawasi dengan baik jika tidak ia boleh menyebabkan hakisan

yang lebih parah walaupun kini berada ditahap terkawal.

Mengulas lanjut, Idris berkata, selain beliau sebagai pengurus Jawatankuasa Pemantauan Hakisan Negeri Melaka, ia turut dianggotai oleh Pengerusi Jawatankuasa, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Datuk Seri Abdul Ghafar Atan dan Pengerusi Jawatankuasa, Penteranagan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Melaka Datuk Norhizam Hassan Baktee serta Yang Berhormat Kawasan yang pantainya terjejas.

"Peranan kami adalah untuk berkongsi insiden dimana hakisan telah berlaku, akan berlaku dan bakal berlaku dan kita juga akan bersama-sama berkongsi apakah tindakan penyelesaian untuk hakisan pantai dan kesemua daerah di Melaka mempunyai pantai," kata-

nya.

*Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya, solat sesegera tetapi secara berjemaah lebih utama daripada solatnya seorang diri dengan dua puluh lima bahagian.*

26 Oktober - 1 November 2020 ( 9 Rabiulawal 1442H - 15 Rabiulawal 1442H)

## WAKTU SOLAT

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
26 OKTOBER 2020	5.45 am	6.54 am	12.58 pm	4.16 pm	6.58 pm	8.08 pm
27 OKTOBER 2020	5.45 am	6.54 am	12.57 pm	4.16 pm	6.58 pm	8.08 pm
28 OKTOBER 2020	5.45 am	6.54 am	12.57 pm	4.16 pm	6.57 pm	8.08 pm
29 OKTOBER 2020	5.44 am	6.54 am	12.57 pm	4.16 pm	6.57 pm	8.08 pm
30 OKTOBER 2020	5.44 am	6.54 am	12.57 pm	4.17 pm	6.57 pm	8.08 pm
31 OKTOBER 2020	5.44 am	6.54 am	12.57 pm	4.17 pm	6.57 pm	8.08 pm
1 NOVEMBER 2020	5.44 am	6.54 am	12.57 pm	4.17 pm	6.57 pm	8.08 pm

## Kajian khusus perlu dilakukan segera

AYER KEROH - Kajian khusus perlu dijalankan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri dalam mengenal pasti faktor penyumbang kepada berlakunya hakisan pantai di negeri ini yang semakin membimbangkan.

Pengarah JPS negeri Abdul Hakim Hamzah berkata, faktor semula jadi seperti ombak, angin serta air pasang besar diketahui umum penyumbang kepada hakisan bagaimanapun kemungkinan ianya terjadi disebabkan faktor lain seperti manusia perlu dilakukan kajian.

Beliau berkata, permohonan untuk menjalankan kajian itu adalah bagi mengenal pasti apa sebenarnya punca pantai di Melaka ini tiba-tiba berlaku hakisan.

"Kejadian ini berlaku mungkin juga disebabkan faktor seperti daripada manusia tetapi belum ada kajian lagi untuk mengatakan sedemikian tetapi 'perangai' pantai ini kita tidak boleh 'mengusiknya' lebih disebabkan itu sekiranya JPS melakukan kerja untuk mengatasi hakisan kita akan ikut bentuk pantai itu semula jika tidak ia akan berubah."

"Kita boleh berpikir bermacam-macam tetapi sekiranya tiada bukti tidak boleh menyalahkan sesiapa. Permohonan untuk menjalankan kajian sudah dibuat pada Oktober, kalau kajian diluluskan kita akan dapat puncanya dan daripada situ JPS akan memperoleh cara untuk mengelakkan atau sekat hakisan pantai ini dari pada terus terjadi," katanya.

Menurut beliau, pihaknya juga turut membuat permohonan kepada Ketua Pe-



DATUK Wira Ar Ismail Othman berjumpa dengan Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man bagi membincangkan isu hakisan pantai yang melanda kawasan DUN Kuala Linggi, baru-baru ini.

ngarah JPS Datuk Nor Hisham Mohd Ghazali agar dapat menghantar kumpulan pakar ke Melaka untuk memberi pandangan berkaitan hakisan pantai yang berlaku dan kaedah penyelesaian.

"Permohonan ini turut disokong oleh Ketua Menteri Datuk Seri Utama (Dr.) Haji Sulaiman Md Ali dan jika boleh ia dapat disertakan dengan peruntukan."

Semalam (20 Oktober) saya bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Linggi Datuk Wira Ar Ismail Othman berjumpa dengan Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man bagi membincangkan hal ini memandangkan kebanyakan pantai yang terjejas adalah di kawasan be-

"Pada pertemuan itu juga saya membantu ADUN Kuala Linggi memperjelas tentang keperluan mendapatkan peruntukan bagi mengatasi hakisan pantai dan Tuan Ibrahim mengambil serius hal ini selain pihak beliau akan mengambil tindakan dalam masa terdekat," katanya.

Mengulas lanjut, walaupun pada masa ini hakisan pantai yang berlaku hanya membabitkan kira-kira dua peratus dengan jarak dua kilometer panjang pantai di Melaka namun sekiranya dibiarkan ia akan menjadi lebih teruk.

"Sebelum ini hanya lima hingga enam kawasan pantai dan sekejap sahaja sudah menjadi 10 lokasi yang dikenasikan kawasan pantai berlaku hakisan."

"Kita mahu elakkan ianya menjadi teruk sehingga menjadikan kawasan penempatan dan kerosakan harta benda serta nyawa bagaimanapun sehingga kini tiada penempatan yang terjejas cuma kawasan pelancongan dan nelayan," katanya.

Ujarnya, bagi mengelakkan sebarang insiden tidak diingin berlaku di kawasan pelancongan seperti di Pantai Puteri dan kawasan chalet di Alor Gajah pihaknya akan minta pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk memasang papan tanda amaran selain pengunjung juga perlu peka dengan keadaan sekeliling.

## Perubahan struktur pantai pengaruhi ombak tinggi

AYER KEROH - Pertukaran geomorfologi pantai yang disebabkan oleh faktor tertentu termasuk penambakan pantai mampu menghasilkan ombak yang tinggi sekali gus mengakas pantai.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Kajian dan Invoasi) Institut Sains Samudera dan Bumi (IOES), Datuk Profesor Dr Azizan Abu Samah berkata, mekanisme ombak tinggi itu terhasil daripada angin yang kuat malah ia boleh terjadi dengan keadaan angin yang kuat serta berkait rapat dengan pasang surut laut itu.

Jelasnya, keadaan itu bermakna jika ada proses penukaran kepada cara pantai di sesebuah tempat, laut akan menyebabkan penghasilan struktur ombak yang lebih banyak.

"Ombak bergantung kepada struktur pantai, sesetengahnya apabila berlaku morfologi pantai (perubahan pantai) sama ada menerusi tambak pantai atau sebagainya, ombak itu akan bertukar menjadi besar."

"Apabila ombak itu tinggi, akan ada banyak hakisan tetapi perlu diingat hakisan itu akan menghasilkan penambakan pasir di kawasan lain, tetapi bagi kawasan pantai yang terakas itu, tanah atau pasir semakin sedikit," katanya ketika dihubungi di sini.

Dr Azizan berkata, apabila berlaku geomorfologi pantai menerusi kaedah penambakan pantai, keadaan itu juga mempengaruhi kedalaman pantai.

"Ombak di kawasan pantai pasir dan kawasan pantai berlumpur serta kawasan berlumpur dan berpasir seperti bakau itu berbeza, kawasan pantai berlumpur dicampur pasir lebih baik kerana ia memecahkan kuasa ombak, jadi ombak yang terhasil itu tidak kuat."

"Selalunya bila ada hutan bakau, kita dapat ia menyebabkan pantai itu makin lama makin besar, jadi ombak itu mampu mengurangkan hakisan," katanya.

Beliau berkata, secara asasnya pertukaran bentuk ombak ini bergantung kepada tiga perkara iaitu angin, pasang surut air laut dan juga kedalaman pantai.

"Mekanisme ombak ini terhasil daripada angin kencang, ia akan lebih besar, satu lagi ialah pasang surut yang mana kedua-duanya adalah mekanisme 'external' (luaran).

"Bagi internal (kedalaman) berkait dengan pantai itu sendiri yang dipanggil batimeter iaitu bagaimana macam mana kedalaman pantai itu menjadi ceteak, itu adalah kaitan bagaimana ombak itu berinteraksi," katanya.

# Tarikan baharu Kolam Air Panas Cherana Putih



SULAIMAN bersama Ab. Rauf ketika melawat Kolam Air Panas Cherana Putih dalam kunjung hormatnya ke DUN Taboh Naning baru-baru ini.

## Saliawati Salberi

TABOH NANING 18 Okt. 'Kerajaan negeri melalui Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) akan melakukan beberapa penambahbaikan dalam menarik lebih ramai pengunjung ke Kolam Air Panas Cerana Putih.'

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali berkata, Kolam Air Panas Cherana Putih itu berpotensi menjadi tempat tumpuan berdasarkan jumlah kehadiran pengunjung ke situ sebelum ini.

"Saya dimaklumkan sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kehadiran pengunjung ke kolam air panas memberangsangkan bagaimanapun sedikit terkesan kini."

"Saya sudah maklumkan kepada Yang Dipertua

MPAG untuk melakukan penambahbaikan di kawasan ini dan ada beberapa perkara perlu disukturkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas program turun padang berjumpa rakyat di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Taboh Naning dan hadir sama Speaker DUN, Datuk Seri Ab. Rauf Yusoh, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan itu Datuk Wira Latipah Omar serta Yang Dipertua MPAG, Mohd Fadil Hassan.

Sulaiman berkata, pada waktu ini kawasan seluas kira-kira 142 meter itu mampu menempatkan kira-kira 160 pengunjung pada satu masa.

"Elain Air Panas Gadek, kita mahukan juga Air Panas Cherana Putih menjadi pilihan pengunjung," katanya.



SULAIMAN ketika menziarahi P Intheranee, 60, (duduk dua kiri) di DUN Taboh Naning dalam lawatan kerjanya ke kawasan itu baru-baru ini.

## "Tidak sangka dijengah Ketua Menteri"

"TIDAK sangka Ketua Menteri datang ke rumah dan masih terkejut keriana beliau sudi mendengar pemasalahan yang saya hadapi."

"Saya ingatkan beliau hanya akan bagi sumbangan tetapi sempat bertanya khabar serta berjanji akan bantu urusan permohonan bantuan," kata warga emas P Intheranee, 60.

Intheranee yang juga orang kelainan upaya (OKU) apabila kedua-dua kakinya terpaksa dipotong kerana diabetis berkata, dia amat bersyukur dengan kunjungan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali kerana secara tidak langsung dapat meringankan beban serta perbelanjaan dapur.

Kata ibu kepada empat anak itu, selepas kehilangan suami dia kini bergantung kepada anak-anaknya termasuk membantu melakukan rutin harian yang lain.

"Saya meminta agar ketua menteri membantu saya untuk mendapatkan bantuan kebajikan

kan kerana sebelum ini ada mohon tetapi tidak lulus.

"Dengan keadaan sekarang selain faktor kewangan kerana perlu mendapatkan rawatan susulan saya turut memakai lampin pakai buang," katanya ketika ditemui di rumahnya di Taman Sri Naning.

Sementara itu, Sulaiman berkata, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan membuat semakan dan melakukan proses permohonan wang saku dan akan selesaikan sebaik mungkin dalam meringankan beban rakyat.

"Proses itu akan minta disegerakan dan pada hari ini juga saya sempat melawat dan menyampaikan sumbangan kepada empat penduduk sempena sambutan Deepavali yang akan disambut tidak lama lagi."

"Melalui program turun padang ini saya berpeluang mendengar masalah dan keluhan yang dihadapi oleh rakyat," katanya.

Derita 17 keluarga mangsa banjir bakal berakhir

DERITA 17 keluarga yang kedianya mereka sering dinaiki air setiap kali cuaca hujan akan berakhir apabila bakal dipindahkan ke penempatan baharu.

Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali berkata, keputusan itu diambil pihaknya bagi menyelisaikan masalah penduduk Kampung Taboh Naning dan Cherana Putih yang sebelum ini perlu berhadapan dengan banjir enam kali setahun.

Beliau berkata, permasalahan itu tidak akan selesai dengan hanya turun padang memberi

bantuan setiap kali berlakunya banjir.

"Lokasi di situ tidak sesuai walaupun dibersihkan dan apabila hujan banjir akan berlaku ditambah pula dengan fenomena yang tidak menentu kini."

"Saya sudah berbincang dengan Pegawai Daerah untuk kenal pasti beberapa kawasan dan keutamaan akan diberikan kepada mangsa banjir yang kerap," katanya.

Beliau berkata, proses pemindahan 17 keluarga itu ke penempatan baharu dijangka akan

dilakukan dalam kadar segera.

"Mereka ini bakal dipindahkan ke tanah milik kerajaan yang sudah dikenal pasti dan proses pemindahan itu diharap akan dipermudahkan."

"Keutamaan diberikan kepada mangsa yang kedianya kerap dinaiki air yang akan dipindahkan terlebih dahulu dan akan dilakukan secepat mungkin," katanya.

Sementara itu, Sulaiman turut memaklumkan terdapat 10 pintu gerai baharu berhadapan bangunan Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasannya De-

wan Undangan Negeri (JAPE-RUN) Taboh Naning yang sudah siap dibina akan membantu meningkatkan lagi ekonomi penduduk setempat.

"Peniaga yang akan berniaga di gerai itu sudah dikenal pasti oleh Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) melalui sesi temuduga dijalankan."

"Dengan adanya premis itu diharap mereka akan berniaga dan dapat membantu orang kampung meningkatkan ekonomi dalam menjalankan perniagaan," katanya.

**II** Keutamaan diberikan kepada mangsa yang kedianya kerap dinaiki air yang akan dipindahkan terlebih dahulu dan akan dilakukan secepat mungkin. **II**

Isu sisa toksik

# JAS berjaya kesan pihak terlibat

Faiz Hasan

PANTAI KUNDOR - Jabatan Alam Sekitar (JAS) Melaka berjaya mengesan beberapa pihak yang terlibat dalam insiden sindiket simpanan ratusan tong dipercayai mengandungi unsur berbahaya dan bertoksik di Tanjung Kling, di sini.

Pengaruhnya Rosli Osman berkata, pihaknya sedang menyiapkan kertas siasatan ke atas kes yang berlaku terbabit bagaimanapun tidak mendahului pihak yang terlibat dalam kejadian itu.

Ujarnya, penyiasatan terbabit dijalankan secara berperingkat termasuk melibatkan ketetapan dari Pendakwa Raya negeri untuk menentukan pertuduhan terhadap dalang kegitan itu.

"Insiden yang dilakukan pihak tidak bertanggungjawab itu dibuat sebagai jalan mudah yang mengundang bahaya kepada alam sekitar, selain mengelakkan diri daripada



TONG sisa toksik haram yang disimpan di sebuah stor di Tanjung Kling telah dihulu JAS baru-baru ini.

dikenakan kos menguruskan pelupusan sisa tersebut," kata-kata ketika dihubungi Melaka Hari Ini.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, kerja-

kerja pembersihan bagi melepasan pelupusan sisa toksik yang disimpan di gudang terbabit akan diselenggarakan oleh kontraktor yang terlibat.

Katanya, pihaknya telah

mengarahkan kontraktor terlibat bagi menjalankan kerja-kerja berkenaan dan mengambil tempoh kira-kira sebulan untuk dilupuskan.

Katanya, sisa toksik ter-

babit akan dilupuskan di lokasi yang telah ditetapkan di negeri ini dengan kebenaran pelupusan berlesen diluluskan JAS.

"Kesemua tong sisa toksik berkenaan akan dilupuskan di beberapa lokasi pusat pelupusan seperti di Bukit Rambai, Krubong serta pelbagai lagi."

Terdahulu, satu sindiket telah berjaya dibongkar JAS dengan menemukan stor penyimpanan sisa toksik dan bahan terjadual berbahaya hasil aduan orang ramai di Kampung Pengkalan Perigi, di sini.

Risikan dan seruan di

kawasan itu menemui sebanyak 900 tong dram, enam tangki 'intermediate bulk containers' (IBC), tujuh tong tercemar dan lima buah tangki simpanan minyak yang disyaki mengandungi enapcemar minyak ditinggalkan di gudang berkenaan dalam satu tempoh masa yang lama.

Ratusan tong sisa toksik dan bahan terjadual berbahaya itu telah disimpan berhulu lamanya tanpa disedari penduduk sekali gus menunjukkan pihak terlibat hanya mengejar keuntungan tanpa mempedulikan kesan kepada alam sekitar.

## Tiada pencemaran air di pusat sampah haram

SUNGAI RAMBAI - Penemuan tapak bekas lombong pasir yang dijadikan pusat pelupusan sampah haram di Batu Gajah, Merlimau, tidak menjaskan sumber air kawasan penduduk berikutnya tiada aliran ke sungai berhampiran dari kawasan berkenaan.

Bagaimanapun, Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) mengambil tindakan drastik dengan segera menyita kawasan berkenaan bagi mengenal pasti dalang dan motif di sebalik kegiatan haram itu.

Yang Dipertua MPJ, Datin Sapiyah Haron berkata, pihaknya menerima maklumat daripada orang awam semalam berhubung perkara itu dan MPJ serta beberapa agensi termasuk Badan Kawal Selia Air (BKSA) Melaka dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) bergegas ke lokasi itu bagi menjalankan periksaan lanjut.

Katanya, pemeriksaan dan siasatan awal mendapat kawasan itu dipenuhi dengan pelbagai longkokan sampah termasuk sisa sampah domestik; sisa klinikal; bahan binaan dan sisa industri.

"Tindakan awal kita akan sias-

kawasan ini supaya tidak dicerobohi dan meletakkan penguasaan untuk memantau kawasan itu serta menjalankan siasatan lanjut mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 174 (Akta 133).

"Bagaimanapun air kolam berkenaan tidak melibatkan mana-mana punca sumber air utama penduduk, namun pihak BKSA akan mengambil sampel air bagi siasatan lanjut mengikut Seksyen 39(a) Enakmen Sumber Air 2012 untuk mengenal pasti sama ada wujud pencemaran air.

"Manakala SWCorp akan mengeluarkan notis kepada pemilik tanah bagi menjalankan siasatan terhadap pembuangan bahan sisa tersebut mengikut Seksyen 71 Akta Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672)," katanya ketika ditemui di lokasi berkenaan, baru-baru ini.

Beliau berkata, maklumat awam diterima daripada Pejabat Daerah dan Tanah Jasin memaklumkan kawasan tapak bekas lombong itu dimiliki dua pemilik tanah.

"SWCorp maklumkan kemungkinan kontraktor berkaitan tidak mahu membuang sisa buangan di

Tapak Pelupusan Sanitari Sungai Udang, jadi mereka mencari kawasan berhampiran yang boleh dibuang tanpa dikesan oleh pihak berkuasa.

"Dengan penemuan itu, SWCorp akan menghantar notis serta memberi tempoh 14 hari kepada pemilik tanah untuk membersihkan kawasan tersebut, jika gagal kita akan keluarkan kompaun," katanya.

Mengulas lanjut, Sapiyah berkata, pihaknya turut mendapat berlaku

pencemaran bau berlaku dari tapak pelupusan haram itu sehingga mengganggu aktiviti harian penduduk terutama di Kampung Batu Gajah Barat.

Jelasnya, perkara itu turut dibimbangi berlaku pembiakan nyamuk Aedes sekali gus mengancam kesihatan penduduk sekitar.

"Difahamkan daripada maklumat orang kampung, memang ada bau kurang menyenangkan di Kam-

pung Batu Gajah Barat terutama ketika hari hujan dan angin kuat.

"SW Corp juga akan menjalankan siasatan terhadap sisa klinikal yang dibuang di sini kerana sisa itu tidak sepatutnya dibuang di sini, ada lokasi tertentu," katanya.

Berikut itu, beliau memohon orang ramai serta penduduk sekitar yang mempunyai maklumat berhubung kejadian itu bagi membantera kegiatan haram terbabit.



SAPIAH (dua dari kanan) menjalankan pemeriksaan terhadap tapak bekas lombong yang dijadikan lokasi pelupusan sampah haram, baru-baru ini.

## Penunggang motosikal bergelang 'pink' disiasat

AYER KEROH - Pihak polis akan membuka kertas siasatan ke atas individu lelaki yang dipercayai ingkar Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah (HSO) apabila videonya menunggang motosikal tular sekali gus menimbulkan panik pada masyarakat.

Rakaman video itu menunjukkan individu terbabit yang mema-

kai gelang 'pink' menunggang motosikal bersama beberapa rakannya dipercayai disekitar Cenderah-Chohong, Jasin.

Ketua Polis Daerah Jasin Deputy Superintendant Mispani Hamdan berkata, kes itu masih dalam siasatan pihaknya dan sedang mengenal pasti identiti individu terbabit.

"Kertas siasatan membabitkan insiden itu akan dibuka oleh pihak kami bagi tindakan lanjut.

"Tindakan akan diambil sejurus individu terbabit selesai menjalani perintah kuarantin yang ditetapkan," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini.

Sementara itu, Pengerusi Ja-

watankuasa Kesihatan Anti Dadah negeri Datuk Rahmad Mariman berkata, tindakan individu itu adalah satu kesalahan yang berat apabila tidak patuh kepada arahan kuarantin ke atasnya.

"Dia boleh berhadapan hukuman denda dan penjara selain turut merisikokan keselamatan orang lain."

"Diharap individu ini dapat dikejaskan pasti dan ditahan agar hukuman sewajarnya dapat dikenakan," katanya.

Mengulas lanjut beliau berkata, tindakan merakam perbuatan itu boleh boleh menimbulkan salah faham dalam kalangan masyarakat selain mengundang pelbagai persepsi.

# RM500,000 untuk pembangunan Merlimau sebagai bandar selamat

**Farah Suhaidah Othman**

MERLIMAU - Merlimau dijangka menjadi perintis bandar selamat di daerah Jasin dengan dilengkapi pelbagai

kemudahan dan infrastruktur yang selamat.

Pengerusi Kerja Raya, Pengangkutan, Kemudahan Awam dan Infrastruktur ne-

geri, Datuk Roslan Ahmad berkata, bagi mengekalkan keharmonian penduduk di kawasan itu pihak berkuasa tempatan (PBT) menyedia-

kan pelbagai infrastruktur yang mampu menjamin keselamatan penduduk sekitar yang berjumlah hampir 30,000 orang.

Katanya, pembangunan bandar selamat itu sudah siap 80 peratus dan akan siap dalam masa terdekat mengikut perancangan awal.

"Ia insentif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di bawah Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) untuk menjadikan kawasan ini sebagai bandar selamat.

"Meskipun ciri-ciri bandar selamat itu mengambil kira faktor indeks jenayah setempat namun MPJ mewujudkan kawasan siar kaki sejauh 700 meter bagi memastikan penduduk sekitar terutama pelajar menyusuri siar kaki ini untuk keselamatan.

"Ditambah dengan pencahayaan serta penggunaan cermin cembung mampu menjamin keselamatan orang ramai.

"Pembangunan itu tidak akan berakhir di sini, pada peringkat awal ia membabitkan kos hampir RM500,000 dan selepas ini kita akan mohon peruntukan tambahan sehingga ke tahap maksium sehingga projek bernilai RM5 juta, yang akan dilaksanakan secara berperingkat menerusi 14 fasa pembangunan," katanya.

Beliau ketika ditemui selepas membuat lawatan tapak ke Projek Pembangunan Lanskap Persekutuan Kehidupan di Padang Awam Merlimau dan Projek Bandar Selamat, di sini, baru-baru ini.

Hadir sama, Yang Diper-

tua MPJ, Datin Sapiah Haron.

Roslan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Merlimau berkata, MPJ turut menaik taraf padang awam kepada dataran bagi merancakkan pembangunan di kawasan itu.

"Dataran itu akan menjadi tumpuan orang awam dengan pembangunan lanskap termasuk taman bunga, kawasan jogging, pentas utama dan taman permainan kanak-kanak.

"Setakat ini perkembangan pembangunan dataran itu sudah siap 25 peratus dan dijangka siap sepenuhnya berdasarkan jadual pada Januari tahun hadapan namun pihak kontraktor menjelaskan akan menyiapkannya pada Disember tahun ini," katanya.



ROSLAN (topi kuning) menyempurnakan tapak Pembangunan Lanskap Persekutuan Kehidupan di Padang Awam Merlimau dan Projek Bandar Selamat, di sini, baru-baru ini.

## PAWE mantapkan daya warga emas

**Faiz Hasan**

AYER KEROH - Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dilihat mampu melahirkan warga emas produktif menerusi penubuhan pusat terbabit.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kebajikan, Datuk Wira Latipah Omar berkata, terdapat enam PAWE yang telah diwujudkan di negeri ini yang bergerak aktif dengan penyertaan warga emas dari setiap komuniti.

Katanya, pihaknya berjaya menyasarkan setiap Parlimen mempunyai sebuah pusat berkenaan, malah ia telah disertai lebih 1,000 ahli dengan pec-

han kira-kira 200 hingga 300 penyertaan dari setiap cawangan pusat berkenaan.

"Kerajaan negeri memperuntukkan kira-kira RM 33,000 bagi sebuah PAWE dalam memberi peluang kepada warga emas menjalankan aktiviti berfaedah serta menjamin kesihatan dan produktiviti mereka.

"Melalui inisiatif terbabit kita harap ramai warga emas akan serta penubuhan ini di setiap kawasan Parlimen masing-masing dengan pendahuluan pelbagai aktiviti, sekali gus mampu meningkatkan taraf ekonomi mereka.

"Seramai 133,500 warga emas direkodkan di Melaka dengan jumlah sebanyak 13.9

peratus daripada populasi penduduk di negeri ini, semestinya mempunyai peranan sendiri bagi memastikan kesejahteraan unutuk meneruskan kehidupan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Hari Warga Emas Peringkat Negeri Melaka di Auditorium Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) di sini, tengah hari tadi.

Turut hadir, Pengarah JKM Melaka, Burhanuddin Bachik.

Dalam pada itu, pihaknya turut mencari kaedah lain bagi menjamin pasaran terhadap produk yang dieluarkan pusat terbabit.



LATIPAH mengadakan lawatan ke gerai pameran dan jualan produk PAWE selepas merasmikan Hari Warga Emas Peringkat Negeri Melaka di Auditorium MITC, baru-baru ini.

"Produk-produk yang dihasilkan termasuklah makanan mahupun barang

kraftangan perlu dipek dengan pembungkusan khas menggunakan jenama PAWE agar

produk mereka mampu dipasarkan di negeri ini," katanya.

## Melaka kekurangan relau untuk pelupusan Al-Quran

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

PANTAI KUNDOR - Melaka berdepan kesukaran untuk melupuskan sisa-sisa atau keratan Al-Quran lama yang telah rosak akibat kurangan relau, sebuah alat khas yang digunakan untuk melupuskan Al-Quran menjadi abu.

Perkara itu disuarakan Timbalan Pengerusi Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) Datuk Md Rawi Mahmud yang berkata setakat ini hanya terdapat satu relau sahaja yang terdapat di Masjid Al-Ghaffar, Jasin.

Beliau berkata, sebuah relau itu hanya dapat menampung pelupusan 7,000 naskhah sahaja sehari yang mana ia dikhuatirkan tidak mencukupi untuk masa-masa akan datang.

"Sebab itulah, sehingga kini pihak MAIM dan Jabatan Agama Islam (JAIM) tidak berani untuk menghebahkan mengenai pelupusan Al-Quran kepada orang ramai kerana kita tiada kemampuan.

"Relau yang ada sekarang kecil dan ia mengambil masa kira-kira lapan jam untuk melupus-

kan A-Quran yang telah rosak itu. Jadi kita bimbang kemampuan yang ada ini tidak cukup untuk proses tersebut pada skala yang besar," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Pembuangan Abu Al-Quran ke Laut di perairan negeri ini, baru-baru ini.

Hadir sama Pengarah JAIM Datuk Md Azhan Samat.

Mengulas lanjut, Md Rawi berkata, pihaknya bagaimanapun kini dalam perancangan untuk menambah relau di setiap daerah atau meningkat taraf relau sedia ada kepada yang lebih besar bagi tujuan pelupusan Al-Quran.

Bagaimanapun, katanya perkara itu masih di peringkat cadangan yang mana pihaknya juga akan meneliti kaedah-kaedah lain yang lebih efektif untuk melupusan Al-Quran di masa akan datang.

"Sekiranya ada pihak yang berniat untuk menginfak atau mewakafkan relau kepada negeri ini bolehlah menghubungi pihak JAIM atau MAIM pada bila-bila masa," katanya lagi.



MD Rawi dan Md Azhan menunjukkan replika mini relau yang digunakan untuk tujuan pelupusan Al-Quran lama atau yang telah rosak dalam Majlis Pembuangan Abu Al-Quran ke Laut di perairan negeri ini, baru-baru ini.

# Rintihan si penoreh getah

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER LIMAU - Ketidaktentuan harga getah di pasaran yang disifatkan masih di tahap rendah menjadi dilema buat para penoreh di negeri ini yang tersepit susulan ketajuhan ekonomi negara terutama dalam musim COVID-19 yang melanda dunia.

Seorang penoreh dari Kampung Ramuan China Besar, Raub Maakhir, 60, yang ditemui dikebunnya mengakui hilang motivasi untuk keluar bekerja akibat harga getah yang tidak menunjukkan peningkatan ketara sehingga kini.

Namun, demi keluarga dan anak-anak, dia tetap menggagahkan diri keluar sejak awal pagi bersenjatakan sebilah pisau dan ubat nyamuk meskipun mengetahui pendapatan yang bakal diperolehi tidaklah seberapa.

"Sebelum ini harga getah memang rendah. Boleh dikatakan sekilo berada di



**RAUB** mengenang nasibnya sebagai seorang penoreh getah susulan harga getah yang tidak menentu di pasaran.

paras RM1.90 dan ada masanya mencecah RM2.00. Dari awal tahun, hari ini barulah dapat harga getah

mencapai RM2.50 sekilogram. Itu pun harganya bila masa boleh berubah.

"Tapi dah kata kerja

kampung, apa boleh buat? kalau tak buat, siapa nak bagi duit. Pendapatan menoreh memang tak menentu. Kalau

dapat sikit, makanlah sikit kata orang.

"Walaupun seperti kais pagi makan pagi, ini sahaja lah kerja yang boleh saya buat. Memang ramai kata kerja yang kita buat tak separadan dengan harga yang kita dapat, tapi nak hidup kita kena terima sahajalah," kataanya.

Dia bagaimanapun mengakui pihak kerajaan turut menghulurkan bantuan melalui Lembaga Getah Malaysia yang memberikan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) dan RISDA yang memberikan bantuan musim tengkujuh.

Namun, ujarnya, bantuan itu masih belum mencukupi memandang kos sara hidup yang semakin tinggi dari tahun ke tahun.

"Saya berharap harga getah ini dapatlah dinaikkan. Tak dapat banyak, dapat sikit pun jadilah. Tak kira apa strategi daripada kerajaan, kita sebagai penoreh memang mengharapkan ada peningkatan dalam harga getah semasa."

"Bukan mahu mengeluh. Saya tahu ramai lagi yang lebih susah daripada saya. Tapi saya cuma berharap dapat hidup lebih selesa dengan pendapatan menoreh. Sekurang-kurangnya saya dan keluarga dapat hidup selesa sedikit dalam keadaan kos sara hidup yang sedang tinggi ini," ujarnya.

Pandangan sama turut disuarakan seorang lagi penoreh di Kampung Solok Batang Tua, Tamilselvi a/p Govinder Sami, 51.

Dia yang sudah menoreh selama lebih 30 tahun mengakui pendapatan sebagai penoreh tidak padan dengan keringat yang dicurahkan selama ini.

"Kalau harga jatuh seperti sebelum ini, memang sukar jugalah. Sebab itulah kami sebagai penoreh sangat berharap kerajaan dapat mengawal harga bagi memudahkan nasib orang-orang kampung yang bergantung harap kepada pendapatan ini untuk menyara keluarga," ujarnya.

**II** Dalam keadaan sekarang bila harga getah tak menentu memang terjejas jugalah dari segi perbelanjaan harian. Kalau harga getah tinggi barulah semua ada semangat untuk keluar menoreh. **II**

Katanya, pendapatan yang diperoleh sebagai penoreh dalam tempoh sebulan hanyalah sekitar RM600 sahaja yang mana itulah yang digunakan untuk menyara hidupnya sekeluarga selama ini.

"Harga getah memang rendah. Kalau ikutkan tidak berbaloi dengan harga. Kita penat-penat tetapi harga yang ditetapkan tidak betul.

"Tetap sebab memikiran mahu menuyapkan sesuatu dalam mulut, mahu atau tidak kita kena terima sahajalah," katanya.

Sementara itu, seorang lagi penoreh getah yang mengusahakan kebun sendiri di Kampung Ramuan China Kechil turut mengakui pendapatan yang tidak menentu membuatkan ramai orang mula beralih kepada bidang-bidang lain.

Azmi Abdul Manan, 51, berkata, disebabkan pendapatan bulanan yang rendah, dia terpaksa juga mengusahakan tanaman-tanaman lain seperti sawit dan lain-lain untuk menyara hidup keluarga dan lima orang anaknya yang masih bersekolah.

"Dalam keadaan sekarang bila harga getah tak menentu memang terjejas jugalah dari segi perbelanjaan harian. Kalau harga getah tinggi barulah semua ada semangat untuk keluar menoreh.


"Pandangan sama turut disuarakan seorang lagi penoreh di Kampung Solok Batang Tua, Tamilselvi a/p Govinder Sami, 51.

Dia yang sudah menoreh selama lebih 30 tahun mengakui pendapatan sebagai penoreh tidak padan dengan keringat yang dicurahkan selama ini.

"Kalau harga jatuh seperti sebelum ini, memang sukar jugalah. Sebab itulah kami sebagai penoreh sangat berharap kerajaan dapat mengawal harga bagi memudahkan nasib orang-orang kampung yang bergantung harap kepada pendapatan ini untuk menyara keluarga," ujarnya.

## STATISTIK HARGA GETAH SKRAP MALAYSIA 2015-2020

Harga Skrap (sen/kg)



## MELAKA HARI INI

Pengarang Kanan  
MUHD RIZANIZAM ABDUL HAMID  
mrizanizam@gmail.com

LIANA SAHABUDIN  
lilyann90@melakahariini.my

MOHD FAIZ ABU HASAN  
faizhasan@melakahariini.my

**REKABENTUK & GRAFIK** Ketua  
HANALIZA JUMINGAN  
jotshoot@melakahariini.my

AMBRAN MOHAMED  
amran@melakahariini.my

ZUL RAHIMI RAMLI  
mk7.zul@melakahariini.my

Penolong Pengarang  
AHMAD FUAD RAMDAN  
fuadramdan@melakahariini.my

MOHD FAZRUL ABDUL MAJID  
fazrul@melakahariini.my

Jurufoto Kanan  
AZREN JAMALUDIN  
m.azren86@gmail.com

MIMIE AZURA ABU BAKAR  
mimieazura1981@melakahariini.my

MUHAMAD AIZAT BAHRUDIN  
aizat.syamil65@melakahariini.my

### PEMASARAN

Pengurus  
MUHAMMAD HAMZI ROSMANI  
amz@melakahariini.my  
018-329 9936

SITI NAJIHA ABDULLAH  
eihanajihah0@melakahariini.my

### UNIT MEDIA SOSIAL

Esekutif  
IZAIDA RAIHANAH IDRIS  
raihanah363@gmail.com

SHARIFAH NORHALIDAH SYED KHAIDZIR  
khalidah@melakahariini.my

### MELAKA TV

Ketua  
ASHALIA YUSOF  
ashaliayusof@melakahariini.my  
Wartawan Penyiaran  
MOHAMAD FARIS HAikal  
farishhaikal.zakaria@melakahariini.my  
Jurukamera  
ISMAIL IBRAHIM  
dakmail92@melakahariini.my

Penyunting Video  
RABIAH OSMAN  
osmanrabiah@melakahariini.my  
AUFA IZZATI AHMAD ZAILANI  
aufazzati98@melakahariini.my  
AMIRUL RAMLI  
amirulramli1990@melakahariini.my

NO.TEL : 06-251 9314, 06-251 9315  
FAX : 06-251 9316



# Setinggi-tinggi Tahniah



KEPADА

**Tuan Yang Terutama**

**Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam**

S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.

Yang di-Pertua Negeri Melaka

SEMPENA

## Sambutan Hari Jadi Ke-71

9 OKTOBER 2020 BERSAMAAN 21 SAFAR 1442H

SETULUS IKHLAS DARIPADA



RESTORAN  
**Rhamya's**  
int'l cuisine  
Curry House



# Fasiliti lain tampung jumlah pesakit COVID-19

Saliawati Salberi

REMBIA - Jabatan Kesihatan Negeri Melaka (JKNM) diminta mencari fasiliti lain bagi menampung pesakit COVID-19 di negeri ini sekiranya jumlah mereka yang jangkit meningkat.

Pengerusi Jawatankuasa Khas COVID-19 (JKC-19) negeri Datuk Seri Abdul Ghafaar Atan berkata, perkara itu diputuskan dalam mesyuarat JKC-19 semalam bagi menghadapi sebarang kemungkinan yang akan berlaku membabitkan peningkatan jumlah pesakit yang disahkan positif.

Beliau berkata, penyediaan fasiliti lain itu terpulang kepada

JKNM sama ada mencari bangunan lain yang boleh dijadikan sebagai pusat rawatan.

"Kita sudah putuskan semalam, pejabat kesihatan perlu mencari fasiliti lain, sekiranya COVID-19 'menyerang' Melaka, maka hospital (Hospital Melaka) akan penuh digunakan untuk merawat pesakit jadi dengan adanya fasiliti lain, maka kita sudah bersedia menghadapi sebarang kemungkinan jika kes terlambau banyak."

"Sekarang ini ujian calitan (swab test) sedang dilakukan ke atas pendatang tanpa izin (PATI) di Machap Umboo, kalau ramai di sana misalnya kebanyakannya mereka (didapati) positif sudah pasti akan

dihantar ke hospital dan mungkin tidak mampu untuk menampung jumlah yang ramai jadi kita perlu ada fasiliti lain," katanya.

Mengulas lanjut beliau berkata, pihaknya juga turut meminta Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi mengenal pasti hotel yang sesuai untuk dijadikan pusat kuarantin khas anak kapal 'sign off' (tamat kerja).

"Bagi anak kapal yang 'sign off' atau datang untuk berlabuh tidak dibenarkan duduk merata-rata sebaliknya mereka perlu menjalani proses kuarantin di satu hotel khas."

"Perkara ini kita serahkan kepada Jabatan Imigresen untuk aturkan dan kos penginapan itu



GHAFaar

akan akan ditanggung oleh pihak syarikat atau anak kapal itu sendiri," katanya.

Abdul Ghafar berkata, pihaknya turut mencadangkan agar se-

tiap daerah dibuka pusat kuarantin berskala kecil bagi menempatkan kontak rapat kepada pesakit COVID-19 untuk menjalani kuarantin selama 14 hari.

## KITARcycle tawar wang tunai buat pengguna

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Pelaksanaan KITARcycle menggalakkan masyarakat di negeri ini untuk terus mengamalkan kitar semula sekali gus mengumpul mata ganjaran recycling point (RP).

Pengurus Wilayah Melaka dan Negeri Sembilan SWM Environment Sdn Bhd, Dr. Al'Ashari Othman berkata, sebanyak 72 organisasi telah mendaftar di bawah KITARcycle.

"Kita yakin bahawa ciri-ciri KITARcycle menggunakan kaedah terkini, mesra teknologi dan mudah diakses oleh pengguna membuatkan program ini di terima baik oleh masyarakat."

"Sistem mata ganjaran boleh ditukar kepada wang tunai secara perbankan dalam talian bertepatan dengan transaksi norma baharu yang mementingkan pembayaran secara 'cashless,'" katanya.

Beliau berkata demikian pada wawancara khas bersama Melaka Hari Ini (MHI) di sini, baru-baru ini.

Jelasnya, mata ganjaran yang ditawarkan menerusi program KITARcycle boleh disemak pemilik

akaun KITARcycle melalui aplikasi pintar KITARcycle.

"KITARcycle menawarkan nilai RP yang berbeza bagi 25 jenis barang kitar semula di mana sejumlah RM0.05 bagi setiap 1RP yang dikumpulkan."

"Antara organisasi berdaftar Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), Masjid Cina Cheng, Merlimau Chinese Methodist Church, SMK Ayer Keroh, Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Lintang, Penjara Sungai Udang dan banyak lagi," katanya.

Katanya, pengguna perlu mendaftarkan akaun KITARcycle secara atas talian di laman web <https://kitarecycle.com>.

"Setiap pengguna berdaftar melalui website akan diberikan kod QR unik yang tertera NO ID masing-masing, pengguna perlu lekatkan kod QR unik KITARcycle atau tulis nombor ID KITARcycle pada bungkus barang kitar semula."

"Ia akan dihubungkan dengan akaun masing-masing bagi tujuan proses rekod dan semakan kutipan KITARcycle, pengumpulan dan penebusan RP," katanya lagi.



KAKTANGAN SWM Environment menerangkan mengenai KITARcycle.

## COVID-19: Boleh kompaun di stesen minyak

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH - Mana-mana individu yang tidak memakai pelitup muka di tempat terbuka termasuk di stesen minyak boleh dikenakan tindakan kompaun mengikut undang-undang.

Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJK) Ibu Pejabat Polis Kontinen (IPK) Melaka Asisten Komisioner Beh Eng Lai menegaskan tindakan itu tidak sepatutnya menjadi isu yang perlu diperbesarkan.

"Prosedur operasi standard (SOP) pemakaian pelitup muka telah diterangkan dengan jelas sejak arahan itu dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Antara tempat yang diwajibkan pemakaian pelitup muka ialah di stesen minyak, jadi ia bukanlah satu isu."

"Kalau masih tidak berpuas hati, boleh periksa di laman web MKN dan baca mengenai SOP pemakaian 'mask' (pelitup muka) di tempat awam," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas persoalan warganet mengenai penularan isu kompaun yang dikenakan kepada individu yang tidak memakai pelitup muka di sebuah stesen minyak di Bukit Beruang sejak kelmarin.

Dalam operasi yang dijalankan pasukan Op COVID-19 IPK Melaka itu, seorang pegawai keselamatan dikenakan kompaun



FOTO yang dimuatnaik di laman Facebook Polis Melaka yang menunjukkan seorang pengawal keselamatan disaman kerana didapati tidak patuh dengan SOP MKN berkaitan COVID-19, hingga menimbulkan kekeliruan terhadap warganet. Foto ini bagaimanapun ditarik semula dari laman tersebut.

EDISI 26 OKTOBER 2020 -1 NOVEMBER 2020

Sesuatu yang bernyawa tidak akan mati melainkan dengan izin Allah, sebagai ketetapan yang telah ditentukan waktunya. Barang siapa menghendaki pahala dunia, nescaya Kami berikan kepadanya pahala dunia itu, dan barang siapa menghendaki pahala akhirat, Kami berikan (pula) kepadanya pahala akhirat itu. Dan kami akan memberi balasan kepada orang-orang yang bersyukur.

Surah Ali Imran Ayat 145



## Pahala wakaf sentiasa berpanjangan

Erwin Abu Hasan  
erwin@maim.gov.my

WAKAF dari segi bahasa bermaksud berhenti, menegah dan menahan manakala dari segi istilah, wakaf adalah menahan benda agar tidak dimiliki serta supaya manfaatnya boleh disedekahkan.

Sebaik sahaja diwakaf maka jadilah pemilikan harta itu beralih kepada pemilikan Allah SWT.

Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Apabila matinya seorang manusia, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya."

Sebahagian ulama mentafsirkan perkataan 'sedekah jariah' dalam hadis itu dengan maksud wakaf, seperti mana kata Imam al-Raf'i.

Pahala sedekah jariah akan terus mengalir kepada orang yang melakukannya sedangkan sedekah lain, pahalanya tidak berterusan mengalir seperti sedekah amal jariah atau wakaf.

Golongan ulama mengemukakan pengertian wakaf dengan jelas antaranya : Ibn Hajar al-Haitami menyebut takrif wakaf sebagai: "Menahan harta yang mungkin boleh dimanfaatkan selama bendanya masih baik dengan cara memutuskan hak pemilikan atas harta tersebut dan dialihkan untuk kepentingan-kepentingan yang dibolehkan."

Ibn Qudamah turut mendefinisikan wakaf sebagai: "Menahan pokok (zat harta) dan menyedekahkan buah (hasil)." manakala Sayyid Sabiq menyebut wakaf ialah menahan benda yang menjadi milik pewakaf dan menyedekahkan manfaatnya di jalan Allah SWT.

Sementara itu, Wahbah al-Zuhayli menyatakan, wakaf ialah menahan harta benda yang kekal zatnya serta boleh dimanfaatkan bagi tujuan kebajikan dan ia diserahkan kepada pihak yang ditentukan dengan harapan dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Dapat difahami, wakaf diertikan sebagai amalan menyerahkan sebahagian harta dimiliki untuk dimanfaatkan masyarakat Islam khususnya bertujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Wakaf memutuskan segala bentuk hak dan penguasaan pewakaf ke atas harta yang diwakafkan yang mana orang yang mewakafkan hartanya akan diganjaran pahala berkekalan selama mana harta wakaf itu

masih ada dan terus dimanfaatkan ke arah kebaikan serta tidak musnah.

Sudah tentu ia berbeza dengan sedekah lain sebagai contoh seseorang mewakafkan wang RM10 untuk pembinaan masjid dan selagi mana masjid itu kekal, selagi itu pahala akan mengalir kepada pewakafnya.

Bagi sedekah pula seperti seseorang menyedekahkan RM10 kepada peminta sedekah dan wang berkenaan digunakan untuk membeli makanan bagi menghilangkan kelaparan.

Setelah makanan itu habis, pahala sedekah hanya setakat itu saja dan Islam amat menggalakkan disamping melakukan sedekah, rebutlah peluang untuk berwakaf sama ada dalam bentuk wang tunai, aset dan

II Wakaf memutuskan segala bentuk hak dan penguasaan pewakaf ke atas harta yang diwakafkan yang mana orang yang mewakafkan hartanya akan diganjaran pahala berkekalan selama mana harta wakaf itu masih ada dan terus dimanfaatkan ke arah kebaikan serta tidak musnah. //

sebagainya.

Seperti sedia maklum, di Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) turut disediakan perkhidmatan wakaf yang menjurus kearah pewakafan pelbagai kaedah lebih-lebih lagi pada ketika urusan wakaf sangat digalakkan bagi meningkatkan ekonomi umat Islam.

Di MAIM, terdapat beberapa kategori wakaf yang disediakan antaranya wakaf khas, wakaf am dan juga wakaf saham.

Umat Islam yang berniat untuk

melaksanakan syariat wakaf boleh hubungi MAIM Seksyen Wakaf di talian 06-2837416 atau layari laman web www.maim.gov.my.

Sebagai kemudahan bersama, pihak MAIM turut akan turun padang memberi penerangan dan penjelasan berkaitan manfaat wakaf di sekitar negeri ini bagi memberi peluang dan ruang pahala kepada umat Islam yang berniat untuk mewakafkan sebahagian harta mereka demi jalan Allah SWT.



# JOM BERWAKAF

"Satu Amal Mencipta Sejuta Manfaat"

Apabila matinya anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya

-Hadith Riwayat Muslim-

<https://www.iwakaf.maim.gov.my/>

**KETUA MENTERI, DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN MD ALI** mempengerusikan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) di Seri Negeri. Turut hadir Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Dr Hasim Hasan dan Timbalan Pengerusi MAIM, Datuk Md Rawi Mahmud.



**KETUA PEGAWAI Eksekutif Zakat Melaka (ZM), Datuk Ibrahim Fadzil** menerima kunjungan delegasi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) Cawangan Melaka di ibu pejabat ZM baru-baru ini. Delegasi berkenaan diketuai Pengurus Cawangan, Mas Anisah Ayu Othman turut membincangkan kerjasama yang mampu dijalin dalam usaha memberi kesedaran kepada semua pegawai dan kakitangan PTPTN perihal pentingnya tanggungjawab melunaskan zakat.



MAIM menerima kunjungan hormat Lawatan Penanda Aras Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) daripada delegasi Kolej Komuniti Tanjung Piai Johor (KKTPJ) baru-baru ini. Turut meraikan delegasi berkenaan Penyalaras EKSA MAIM, Mohd Rizalman Syed dan Penolong Setiausaha Bahagian Agihan Zakat MAIM, Shakina Mohd Said.



**TINJAU...**Setiausaha MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim bersama Pegawai Tanah MAIM, Effendi Othman Kamal Shah melakukan tinjauan di beberapa buah unit tanah wakaf sekitar daerah Alor Gajah. Pembangunan jangka panjang tanah-tanah berkenaan akan dinilai bagi memastikan ia dapat direalisasikan demi manfaat umat Islam negeri ini.

# Mengutamakan yang fardhu berbanding sunat

Erwin Abu Hasan  
erwin@maim.gov.my

KEFAHAMAN yang benar adalah menda-hulukan apa yang lebih wajib berbanding yang wajib. Apatah lagi jika sesuatu yang wajib perlu lebih diutamakan berbanding sesuatu yang sunat. Dalam memahami keutamaan kita perlu bersederhana di dalam perkara-perkara yang sunat. Akan tetapi tidak pula bersederhana di dalam perkara yang wajib. Ini kerana keperluan dan kewajiban sesuatu yang wajib itu adalah sangat jauh bezanya dan lebih besar daripada yang sunat.

Dalam pada itu kefardhuan yang asas tetap menjadi keutamaan yang utama. Seruan terhadap solat dan juga zakat yang digandingkan sebanyak 28 kali di dalam Al-Quran, adalah sesuatu yang harus diambil berat oleh setiap seorang muslim. Maka amat jelek lah mereka yang mendirikan solat akan tetapi meninggalkan zakat. Begitu juga sebaliknya orang yang mengeluarkan zakat tetapi tidak bersolat. Kata Saidina Abu Bakar r.a "Demi Allah, aku pasti memerangi sesiapa yang membezakan antara kewajipan solat dan zakat. Sesungguhnya zakat itu hak terhadap harta. Demi Allah sekiranya mereka tidak mahu mengeluarkan tali yang mereka tunaikan sebagai zakat ketika Rasulullah SAW. masih hidup, aku akan

memerangi mereka kerana itu."

Adalah menjadi satu kesalahan apabila seseorang itu sibuk melakukan solat dan puasa serta Haji yang sunat berbanding melakukan perkara yang fardhu. Setengah orang sangat rajin di dalam beribadah, mereka bangun di waktu tengah malam untuk bersolat serta berzikir. Namun apabila mereka keluar bekerja, serta dibayar gaji untuk itu dia bekerja di dalam keadaan letih dan lemah.

Sedangkan pekerjaan itu adalah suatu yang wajib bagi dirinya kerana itu adalah kewajipan yang sepatutnya dilaksanakan olehnya. Melakukan pekerjaan itu dengan bersungguh-sungguh adalah lebih utama dan ianya adalah satu kefardhuan berbanding dengan dia bersolat sepanjang malam kerana itu hanyalah perkara sunat. Sekiranya mereka menyedari maka meng-abaikan kewajipan itu bermaksud sudah mengkhianati amanah yang telah diletakkan ke atas bahu mereka.

Segolongan yang lain pula mereka berpuasa sunat pada setiap hari Isnin dan Khamis. Puasa itu menyebabkan mereka keletihan di siang hari sedangkan mereka perlu melaksanakan tugas yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka dengan cergas dan bertenaga. Apabila mereka mengutamakan puasa yang sunat itu maka kewajipan yang asal yang lebih fardhu diutamakan telah mereka tinggalkan. Ini adalah

bersalah dengan tuntutan agama yang seharusnya mengutamakan yang fardhu berbanding sunat. Maka disebabkan itu kepentingan orang lain juga terganggu kerana puasa yang terkesan kepada dirinya meletikkannya serta memenatkan. Sedangkan puasa itu hanya sekadar puasa yang sunat sahaja.

Tidak kurang juga mereka yang mempunyai kewangan yang lebih, mereka ini melaksanakan Haji dan umrah yang sunat pada setiap tahun. Sedangkan kewajipan menuaikan haji itu hanya sekali seumur hidup. Perbuatan ini menyebabkan kesesakan di Kota Mekah disebabkan oleh ketamakan mereka yang mempunyai wang untuk melaksanakan Haji pada setiap tahun. Dalam satu kajian dikatakan bahawa hanya 20 peratus orang yang melaksanakan Haji wajib dan selebihnya hanyalah melaksanakan Haji yang sunat kerana mereka telah melakukannya berkali-kali pada setiap tahun.

Wang yang lebih itu sepatutnya digunakan untuk membantu umat Islam yang lain seperti

di Somalia dan di lain-lain tempat. Itu adalah lebih utama berbanding hanya melakukan perkara sunat melaksanakan Haji dan umrah setiap tahun di Mekah. Sebahagian umat Islam yang hidup di dalam kesukaran dan perang, amat memerlukan dana-dana ini untuk meneruskan hidup dan melaksanakan perjuangan mempertahankan tanah air mereka.

Maka itulah yang lebih utama dengan melaksanakan kefarduan berbanding melakukan perkara-perkara yang sunat yang dianggap mempunyai pahala yang besar di sisi Tuhan. Sedangkan melaksanakan tuntutan yang wajib juga mendapat ganjaran yang besar. Maka amat penting dalam kita memahami dan mengutamakan perkara yang wajib berbanding melaksanakan perkara yang sunat.

Sebarang pertanyaan, permasalahan dan pengiraan zakat bolehlah menghubungi di talian 06-2812441/42/43 ZAKAT MELAKA atau melayari laman web untuk info lanjut.

## TIPS RESEPI KEJAYAAN

"Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka, dan mereka lah orang-orang yang berjaya".

(Surah Al-Baqarah: 5)

Menjaga hubungan dengan Allah

01

Pandai menguruskan masa

02

Bersedekah, berzakat & hibah

03

Tidak mudah putus asa

04

Istiqamah dalam melakukan kebaikan

05

Memudahkan urusan orang lain

06

Bersenam dan menjaga kesihatan diri

07

Usaha, Doa dan Tawakal

08

"ZAKAT - Bersih Jiwa, Suci Harta"

1-300-88-0233

[www.izakat.com](http://www.izakat.com)

Zakat Melaka

[zakatmelaka](http://zakatmelaka)

[Zakat Melaka](http://zakatmelaka)

Ke Manakah Wakaf Anda?



Jom Berwakaf  
Wakaf Tunai Melaka



Bayaran Wakaf Serendah RM 2.00 Sahaja



Pengambilan/Pembelian Lot Tanah Bagi Tujuan Keagamaan



Pembangunan Hartanah Wakaf

Kaedah bayaran #1  
MELALUI POTONGAN GAJI SECARA BULANAN

Kaedah bayaran #2  
Download APPS e-WALLET BOOST

Kaedah bayaran #3  
Bayar di Kaunter Wakaf MAIM

Kaedah bayaran #4  
MELALUI AKAUN BANK BANK ISLAM (MAIM)  
0401 5010 0174 34

Bahagian Wakaf MAIM : 06-283 7416 / 06-284 9809

ZAKAT MELAKA

1-300-88-0233

[www.izakat.com](http://www.izakat.com)

Zakat Melaka



Jom Tunaikan Zakat

"Bersyukurlah Anda Tidak Diujil Dengan Kemiskinan"

Hanya

2.5%

Dari Hartamu Hilik Asnaf



Nombor Telefon :  
06-2812441 / 42 / 43  
Berswasta dan Boleh  
Gantung Hujud Jadi,  
100% untung bersih.  
Gantung Hujud Jadi,  
100% untung bersih.

Gantung Hujud Jadi,  
100% untung bersih.  
Gantung Hujud Jadi,  
100% untung bersih.  
Gantung Hujud Jadi,  
100% untung bersih.  
Gantung Hujud Jadi,  
100% untung bersih.  
Gantung Hujud Jadi,  
100% untung bersih.

Gantung Hujud Jadi,  
100% untung bersih.  
Gantung Hujud Jadi,  
100% untung bersih.  
Gantung Hujud Jadi,  
100% untung bersih.  
Gantung Hujud Jadi,  
100% untung bersih.

Gantung Hujud Jadi,  
100% untung bersih.  
Gantung Hujud Jadi,  
100% untung bersih.  
Gantung Hujud Jadi,  
100% untung bersih.  
Gantung Hujud Jadi,  
100% untung bersih.

Gantung Hujud Jadi,  
100% untung bersih.  
Gantung Hujud Jadi,  
100% untung bersih.  
Gantung Hujud Jadi,  
100% untung bersih.  
Gantung Hujud Jadi,  
100% untung bersih.

Gantung Hujud Jadi,  
100% untung bersih.  
Gantung Hujud Jadi,  
100% untung bersih.  
Gantung Hujud Jadi,  
100% untung bersih.  
Gantung Hujud Jadi,  
100% untung bersih.

Gantung Hujud Jadi,  
100% untung bersih.  
Gantung Hujud Jadi,  
100% untung bersih.  
Gantung Hujud Jadi,  
100% untung bersih.  
Gantung Hujud Jadi,  
100% untung bersih.

Gantung Hujud Jadi,  
100% untung bersih.  
Gantung Hujud Jadi,  
100% untung bersih.  
Gantung Hujud Jadi,  
100% untung bersih.  
Gantung Hujud Jadi,  
100% untung bersih.

**PERBINCANGAN**  
bersama Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dan jawatankuasa Masjid Sebatu berkaitan status permohonan tanah wakaf di atas lot 1273 Mukin Sebatu di daerah Jasin baru-baru ini. Permohonan wakaf itu memberi maksud kepada kaedah mewakafkan tanah kepada tujuan am yang memberi manfaat bersama masyarakat Islam dalam kariah itu.



**PROSES pengalihan kubur Islam lama yang terdapat di Slok Seberang Prai, Kariah Solok Duku di daerah Alor Gajah telah dilaksanakan oleh Seksyen Mal, Majlis Agama Islam Melaka (MAIM). Pemantauan turut dilakukan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) bersama Jabatan Kesihatan Malaysia (JKM). Hadir sama menyaksikan proses berkenaan Setiausaha MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim dan Pengurus Baitulmal MAIM, Sharif Somathulla.**



**SETIAUSAHA MAIM**, Muhammad Ikram Ibrahim menyampaikan sijil wakaf kepada pewakaf Abd Halim Husin yang telah menyempurnakan perwakafan sebahagian tanah di atas lot 1661, Mukim Chinchin bagi tujuan tanah perkuburan Islam. Turut hadir menyaksikan Ketua Seksyen Wakaf MAIM, Joriza Jauhari.



## LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809  
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415  
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | [www.maim.gov.my](http://www.maim.gov.my)

Email | [admin@maim.gov.my](mailto:admin@maim.gov.my)

Youtube | [majlis agama islam melaka](https://www.youtube.com/majlisagamaislammelaka)

Facebook | [facebook/maimmelaka](https://facebook.com/maimmelaka)



**Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni**

# Yayasan Melaka tarik perniagaan bernilai RM200 juta

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

AYER KEROH - Yayasan Melaka terus komited berperanan sebagai antara organisasi yang membantu Kerajaan Negeri Melaka meningkatkan kegiatan ekonomi serta mengukuhkan kewangan negeri.

Pengurus Besarnya, Datuk Yusof Jantan berkata, sejak mengambil alih pentadbiran pada April lalu, pihaknya sudah berjaya membawa masuk perniagaan bernilai RM200 juta untuk tempoh yang singkat meski pun berdepan dengan penularan pandemik COVID-19 yang melanda dunia.

Jelasnya, pihaknya bagaimanapun tidak menjadikan nilai tersebut sebagai zon selesa sebaliknya akan terus meningkatkan lagi perniagaan yang berpotensi bagi menjana pendapatan yang

berterusan untuk jangka masa lima tahun akan datang.

"Sejak April hingga hari ini lebih kurang RM200 juta nilai perniagaan sudah diluluskan dan ada sesetengahnya sudah ditandatangani. InsyaAllah kita akan terus tingkatkan nilai perniagaan ini untuk tempoh lima tahun mendatang.

"Selain perniagaan, baru-baru ini juga kita sudah menyumbang RM1.1 juta untuk tabung-tabung amanah pendidikan, kebajikan, masjid, pelancongan dan warisan. Itu juga akan kita lipat gandakan lagi untuk tahun mendatang bagi menaikkan lagi imej Kerajaan Negeri Melaka," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menerima kunjung hormat Melaka Hari Ini (MHI) yang diketuai Ketua

Pegawai Eksekutifnya Datuk Seri Abdul Jalil Hamid dan Ketua Pegawai Operasi MHI, Anuar Shaari di pejabatnya baru-baru ini.

Dalam kunjungan yang berlangsung selama kira-kira sejam itu pelbagai perkara telah dibincangkan termasuklah menjalankan kerjasama dua hala di antara MHI dan Yayasan Melaka dari sudut pemberitaan.

Menurut Yusof, pihaknya berbesar hati untuk berkongsi berita-berita terkini dan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh Yayasan Melaka yang bukan sahaja membantu dalam menaikkan imej negeri, bahkan turut menunjukkan keprihatinan kerajaan negeri untuk terus membantu rakyat sama ada dalam bidang pendidikan, kebajikan, keagamaan serta pengekalan warisan budaya.



**YUSOF** (kanan) menerima akhbar Melaka Hari Ini daripada Ketua Pegawai Eksekutif MHI Datuk Seri Abdul Jalil Hamid. Turut hadir, Ketua Pegawai Operasi MHI Anuar Shaari.



**IDRIS** menandatangani plak perasmian Al Ikhlas Gadget Klebang.

**Al Ikhlas Gadget Klebang Sasar 20,000 pelanggan sebulan**

**Liana Sahabudin**

KLEBANG - Al Ikhlas Gadget Cawangan Klebang menyasarkan lebih 20,000 pelanggan bakal berkunjung ke kedai itu pada setiap bulan.

Pengurus Besar Syarikat Glories Gadget (M) Sdn Bhd, Muhamad Farouk Hassannain Hashim berkata, sasaran itu berikutan lokasi kedai yang strategik dan permintaan tinggi penduduk di negeri ini.

"Kita jangka sehingga hujung tahun ini sejumlah RM1.5 juta jualan akan diperolehi kerana faktor lokasi dan permintaan pengunjung yang memberangsangkan."

"Sebelum ini kami hanya fokus di sekitar Johor untuk tujuh cawangan kami iaitu Kota Tinggi, Bandar Baru Uda, Adda Height, Kota Masai, Batu Pahat, Mutiara Rini dan Indahpura Kulai."

"Disebabkan permintaan ramai orang Melaka yang mahu datang Al Ikhlas Gadget

tetapi jauh di Johor, saya beritahu team saya untuk melebarkan sayap di Melaka," katanya.

Muhamad Farouk berkata demikian pada perasmian Al Ikhlas Gadget Klebang disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Daerah, Luar Bandar dan Pengurusan Banjir Negeri, Datuk Seri Idris Haron, baru-baru ini.

Katanya, dijangka sebanyak lima cawangan bakal dibuka bagi setiap daerah di Melaka.

"Sepatutnya bulan Mac kami dah beroperasi di Melaka, tetapi wabak COVID-19 melanda terpaksalah kami tangguhkan pembukaan Al Ikhlas ini."

"Alhamdulillah hari ini, kami terharu dan gembira kerana impian ingin membuka cawangan Al Ikhlas Gadget yang ke-8 di Melaka tercapai."

"Kita akan buka lagi beberapa cawangan di Melaka dan selepas itu fokus kita adalah di kawasan Lembah Klang pula," katanya lagi.

## Yayasan Winner Emperor Sedunia sumbang 11 juta pelitup muka

BANDARAYA MELAKA - Yayasan Winner Emperor Sedunia baru-baru ini telah diiktiraf oleh *Malaysia Book of Records* sebagai penyumbang terbanyak topeng pelitup muka di Malaysia dan sijil diberikan kepada pengasasnya Datuk Seri Liow Soon Hee di Stadium Bukit Jalil, baru-baru ini.

Penasihat Eksekutif kepada Yayasan Winner Emperor Sedunia, Datuk John Lee Kim TIAN memaklumkan kepada MHI bahawa dermawan muda (Datuk Seri Liow Soon Hee) mengambil serius terhadap wabak COVID-19, terutamanya melibatkan kangan pelajar yang tergolong dalam kumpulan berisiko tinggi.

Malah Soon Hee turut menganjurkan kempen "Memakai Topeng, Sayangi Diri-Sendiri" dengan kerjasama syarikat akhbar

tempatan.

Selain mengagihkan topeng pelitup muka kepada pelajar sekolah rendah di seluruh Malaysia, Yayasan Winner Emperor Sedunia turut mengedarkan topeng pelitup muka kepada kakitangan barisan hadapan termasuk doktor, jururawat, polis dan juga golongan kurang berkemampuan.

Kim TIAN juga berkata, Soon Hee sebagai usahawan nasional bertauladan, bertanggungjawab, berdedikasi untuk membantu komuniti terutamanya ketika gelombang ketiga wabak COVID-19 melanda negara.

"Dengan sumbangan topeng pelitup muka kepada sekolah di Malaysia, pihak Yayasan Winner Emperor Sedunia berharap ia akan melindungi para pelajar yang juga tonggak masa depan negara kita," tambahnya.



**SOON HEE** (dua kanan) dan Kim TIAN (dua kiri) ketika menerima sijil pengiktirafan daripada pihak *Malaysian Book of Records*, baru-baru ini.



Datuk Dr Sabri  
Mohamad Sharif

# Peluang pekerjaan dan cabaran di Negeri Melaka



KETUA Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali menyempurnakan perasmian Karnival PENJANA Kerjaya yang diadakan pada 18 dan 19 Ogos lepas di MITC.

JIKA anda ditanya, apakah perkataan paling popular pada tahun 2020 sekarang, yang sedang menjadi sebutan hangat oleh ramai penduduk di seluruh dunia? Jawapannya, sudah pasti COVID-19.

Penularan virus koronavirus atau COVID-19 ini, yang pada mulanya bersifat Epidemik, hanya berlaku nun jauh di Kota Wuhan, China, tidak lagi dianggap sebagai Endemik, yakni wabak biasa yang sering menimpa manusia, tetapi telah bertukar menjadi Pandemik, apabila dengan pantasnya tersebar ke seluruh dunia.

Setakat 21 Oktober 2020 sahaja, kes positif COVID-19 di seluruh dunia telah mencecah angka 41,050,369, dengan lebih 1,129,741 kes kematian dan 30,632,287 pula bagi kes sembuh. Pada tarikh yang sama juga, Malaysia turut mencatatkan sebanyak 22,225 kes positif, melibatkan 193 kes kematian serta 14,351 kes sembuh. Begitu juga di Melaka mencatatkan daripada 299 kes, 5 kes mengakibatkan kematian, manakala 264 pula bagi kes sembuh.

Apakah kesan dan akibatnya? kehilangan pekerjaan? pengangguran bertambah? Lebih menakutkan adakah akan berlakunya resesi ekonomi?

## KEHILANGAN PEKERJAAN DAN PENDAPATAN

Apapun mengikut Pertubuhan Buruh Antarabangsa atau International Labour Organization (ILO) dalam laporannya pada 23 September 2020 menjangkakan, sekitar 345 juta pekerjaan kemungkinan akan hilang di seluruh dunia, berdasarkan pengurangan jumlah jam bekerja. Manakala pendapatan pekerja global dianggarkan menurun sebanyak 10.7 peratus, atau USD3.5 trillion, pada tiga suku pertama tahun 2020, berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2019.

Menurut akhbar Sinar Harian pula, seramai lebih 81,056 penduduk di Malaysia hilang pekerjaan dari Januari sehingga 17 September lalu, termasuk 25 peratus membabitkan golongan profesional. Menurut Menteri Sumber Manusia, Datuk M Saravanan pula, kadar pengangguran negara yang melonjak kepada 5.3 peratus pada Mei lalu melibatkan seramai 826,100 penganggur. Statistik Sistem Insurans Pekerjaan PERKESO menunjukkan majoriti yang hilang pekerjaan adalah kumpulan yang berumur 25 tahun hingga 34 tahun iaitu sebanyak 36.6 peratus. Menurut beliau lagi tiga industri yang mencatatkan bilangan kehilangan pekerjaan tertinggi iaitu sektor pembuatan, penginapan dan makanan dan minuman, serta sektor borong dan runcit.

Menurut laporan dari Jabatan Tenaga Kerja Negeri Melaka (JTKNM), situasi di Melaka dari 18 Mac 2020 sehingga 30 September 2020 telah mencatatkan pemberhentian tetap seramai 2,036 orang, melibatkan 1,474 orang pekerja tempatan dan 562 pekerja asing. Sejumlah 218 orang bagi pemberhentian sukarela dan 1,181 orang pemberhentian sementara.

## KARNIVAL PENJANA KERJAYA MELAKA

Sebab itu kita menyambut baik inisiatif Kerajaan Negeri Melaka dan PERKESO Melaka yang telah melaksanakan Karnival PENJANA Kerjaya pada 18 & 19 Ogos 2020 di MITC Melaka, yang melibatkan 32 buah majikan atau syarikat. Hasil daripada program tersebut, PERKESO telah merekodkan kehadiran dan keputusan program tersebut iaitu, daripada jumlah kehadiran seramai 4,357 orang, bilangan yang berjaya menerima tawaran pekerjaan adalah seramai 1,073 orang, bilangan yang berjaya ke temuduga kali kedua pula seramai 812 orang.

Manakala jumlah yang ditolak adalah seramai 1,358 orang dan yang gagal dalam temuduga itu seramai 979 orang. Daripada keseluruhan jumlah kehadiran ke karnival tersebut, sekiranya 20 peratus daripadanya datang dari luar Melaka seperti Negeri Sembilan, Selangor, Perak dan Johor.

## PERANAN MTEN MELAKA

Pada 13 Oktober 2020 pula, Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Melaka yang dipengerusikan oleh Ketua Menteri Melaka, YAB Datuk Seri Utama (Dr.) Sulaiman Md Ali, dan turut dihadiri oleh pakar-pakar ekonomi dari seluruh negara seperti Tan Sri Profesor Dr. Noor Azlan Ghazali, Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Malaysia (EAC), telah mencadangkan pelbagai inisiatif dalam memperbanyak peluang pekerjaan dan mengatasi cabaran pengangguran rakyat di negeri Melaka.

## KARNIVAL KERJAYA DAN KEUSAHAWANAN

Antara yang diputuskan supaya diadakan Karnival Kerjaya Peringkat Negeri Melaka pada skala lebih besar, yang bakal menawarkan lebih 5,000 ribu peluang pekerjaan, melibatkan lebih banyak aktiviti seperti kaunseling kerjaya, sesi grooming, pameran dan temuduga peluang pekerjaan serta kursus latihan keusahawanan dan keusahawanan digital kepada 800 orang usahawan serta bakal usahawan digital dari negeri Melaka.

Karnival kerjaya ini yang bakal dianjurkan

**// kita berharap agar, usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Melaka khususnya dalam memberikan perkhidmatan terbaik dan menjaga kebijakan rakyat Melaka akan membawa hasil serta pantas mencapai matlamatnya. //**

oleh Kerajaan Negeri Melaka, bersama Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka (UPEN) dan Institut Tun Perak (ITP), melibatkan kerjasama dengan agensi-agensi lain seperti PERKESO, Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) cawangan Melaka, Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), JobStreet.com, dan sebagainya, akan diadakan di setiap daerah di negeri Melaka pada Disember 2020, tertakluk kepada situasi terkini COVID-19.

## INDUSTRI ATAU BIDANG UNTUK DIKEMBANGKAN KETIKA PANDEMIK COVID-19

Menurut Dcode Economic & Financial Consulting (Dcode EFC) Analysis (2020), dalam jangka pendek, sektor yang menjadi potential winners akibat pandemik COVID-19 ada 6 iaitu, sektor perkhidmatan perubatan, pemprosesan makanan, penjagaan kesihatan, ICT, e-commerce dan pertanian.

Manakala potential losers pula ada 8 yang melibatkan sektor pelancongan, penerbangan dan perkapalan, automotif, pembinaan dan pembangunan harta tanah, pembuatan (non-essential), perkhidmatan kewangan, pendidikan dan sektor minyak dan gas.

## PERUBAHAN DAN NORMA BAHARU

Heraclitus pernah mengungkapkan bahawa, 'change is the only constant'. Manakala dalam Al-quran melalui surah Ar-R'd ayat 11 menyatakan bahawa, 'sesungguhnya Allah SWT tidak merubah nasib sesuatu kaum atau bangsa, sehingga mereka yang mengubah diri

mereka sendiri.'

Malahan, Ibnu Khaldun dalam kitabnya Muqaddimah menjelaskan bahawa, antara resepi kemuncak kegemilangan sesebuah Kerajaan adalah berpaksikan kepada nilai dan sejarah serta keupayaannya untuk mendepani perubahan.

Justeru, bagi menghadapi zaman era Industri 4.0 dan ekonomi digital ini, apakah lagi tatkala kita sedang berhadapan dengan wabak COVID-19 yang very unprecedent, hingga menyebabkan kita terpaksa menjalani hidup dalam keadaan new norm atau norma baharu, kita perlu menganjukkan paradigma dan bertindak pantas untuk respon serta bijak dalam mengelola perubahan ini.

Tuntasnya, kita berharap agar, usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Melaka khususnya dalam memberikan perkhidmatan terbaik dan menjaga kebijakan rakyat Melaka akan membawa hasil serta pantas mencapai matlamatnya.

Hal ini terutamanya membabitkan ikhtiar menyediakan peluang-peluang pekerjaan serta latihan keusahawanan dan keusahawanan digital kepada masyarakat di negeri ini, semestinya amalan terpuji yang perlu disambut baik oleh semua golongan serta dipertingkatkan lagi kualiti dan kualiti dari masa ke semasa. Hendak seribu daya, mahu seribu cara!

Penulis merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Tun Perak (ITP) merangkap Penasihat Ekonomi dan Inovasi Kepada YAB Ketua Menteri Melaka.



Jabatan Perangkaan  
MALAYSIA



# BANCI MALAYSIA

**7.7.2020 - 21.12.2020**  
*[e-Census]*

**20.1.2021 - 6.2.2021**  
*(Bersemuka)*

[www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my)



@MyCensus2020  
@StatsMalaysia

1800 88 7720





**YBhg Datuk Wira Dr. Hj. Azizan Osman**

*Founder RichWorks International Sdn Bhd*

*Atas penganugerahan*

**Darjah Cemerlang Seri Melaka ( D.C.S.M )**

yang membawa gelaran **Datuk Wira**

Kepada penerima

*Sempena Sambutan*

*Ulang Tahun Ke - 71*

**Tuan Yang Terutama**

**Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam**

*Yang di-Pertua Negeri Melaka*

*Dari Seluruh Warga*

*Noir Health & Beauty Sdn Bhd*

PEMANDANGAN dari puncak Bukit Gapis, Nyalas, diisytiharkan sebagai Gunung Melaka.



ANTARA yang mengikuti pendakian ke puncak Bukit Gapis.



MD. Jamal (kiri) menunjukkan bongkah batu penanda sempadan negeri antara Melaka dan Negeri Sembilan yang terukir 1901 yang didakwa diletakkan British.

Puncak tertinggi di Melaka dengan ketinggian 480 meter

# Bukit Gapis diisytihar sebagai Gunung Melaka

Muhd Rizanizam Abdul Hamid

NAMA Bukit Gapis, Nyalas, yang tidak begitu dikenali sebelum ini tiba-tiba sahaja menjadi sebutan dalam kalangan kaki 'hiking' atau pecinta alam.

Semuanya bermula apabila Melaka Hari Ini melaporkan, Bukit Gapis adalah puncak tertinggi di Melaka yang belum diterokai sekali gus berpotensi menjadi produk pelancongan baharu negeri.

Menyokong laporan itu, Pengetua Jawatankuasa Negeri Perumahan, Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar Datuk Seri Abdul Ghafar Atan kemudian turut mengisyiharkan bukit terletak di Kampung Gapis itu sebagai Gunung Melaka.

Pengisytiharan itu dibuat Abdul Ghafar dalam ucapannya pada Majlis Perasmian Penutup sempena Program Hiking Bukit Gapis, Nyalas bersama beberapa agensi kerajaan pada 17 Oktober lalu.

"Oleh kerana ketinggian Bukit Gapis yang kita ukur hari ini adalah 480 meter, saya secara rasmi menyatakan dan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Asahan, mengisyiharkan Bukit Gapis ini sebagai Gunung Melaka.

"Syarat untuk diiktiraf gunung adalah sebuah bukit itu perlu melepas ketinggian 457.2 meter dan ia sudah pun melepas ketinggian itu sebab itu Bukit Gapis kini boleh dikenali sebagai Gunung Melaka," katanya.

Mengulas lanjut Abdul Ghafar berkata, beliau akan bekerjasama dengan ketua masyarakat setempat untuk membangunkan kawasan itu sebagai kawasan rekreasi terbaharu selain daripada kawasan tumpuan pelancong di pusat bandar Melaka.

"Kita lihat di Melaka ini kesakan pelancong lebih tertumpu di pusat bandar pada hujung minggu, jadi kita perlu alihkan kepada trafik di sana ke pinggir bandar seperti Nyalas ini."

"Bukit Gapis atau Gunung Melaka ini boleh dibangunkan sebagai destinasi pelancongan baharu Melaka dan saya serta semua ketua masyarakat di DUN Asahan perlu rancakkan dulu aktiviti sebelum

Bukit Gapis juga mempunyai nilai sejarah tersendiri yang menjadi tempat perlindungan kaum wanita pada zaman penjajahan Jepun sekitar 1940-an selain air sungainya yang menjadi sumber utama kepada penduduk ketika itu.

dapat bantuan daripada luar (Kerajaan Pusat)," katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) Datin Sapiah Haron berkata, MPJ sudah mempunyai perancangan untuk membangunkan Bukit Gapis sebagai pusat pelancongan baharu di Melaka.

"Diperingkat MPJ, kita telah menghantar kertas kerja untuk memohon peruntukan daripada Kerajaan Pusat bagi mewujudkan kawasan pelancongan baharu di Bukit Gapis ini," katanya.

Sebelum ini, Melaka Hari Ini melaporkan, Bukit Gapis adalah puncak tertinggi di Melaka yang belum diterokai sekali gus berpotensi menjadi produk pelancongan baharu negeri.

Bekas anggota komando tentara darat Md. Jamal Mohamad, 71, yang juga penduduk asal Kampung Gapis mendakwa, penemuan itu disedarinya dan beberapa rakan sebelum ini ketika membuat pendakian bagi mengetahui ketinggian bukit berkenaan yang menerima jolokan 'Gunung Melaka' kerana ketinggiannya yang mengatasi puncak bukit lain di negeri Hang Tuah ini.

Menurutnya ketika ini, hanya terdapat dua kawasan bukit di Melaka yang menjadi tumpuan pendakian menguji kecerdasan iaitu Bukit Batu Lebah di Nyalas dengan ketinggian antara 500 hingga 600

meter dari paras laut manakala Bukit Beruang di Ayer Keroh setinggi 116.73 meter.


Pengalaman mendaki Bukit Gapis dirasai sendiri wartawan MHI bersama 26 lagi pendaki termasuk penduduk kampung dikecualikan Jamal dan juga rakannya Samsuri Jumaat, 49, serta ahli persinggahan Datuk Nur Sahar Osman.

Pendakian memakan masa kira-kira dua jam sebelum kami tiba di puncak bukit yang turut mempunyai bongkah batu penanda sempadan negeri antara Melaka dan Negeri Sembilan terukir 1901 yang didakwa diletakkan British ketika era penjajahannya.

Mengulas lanjut, Md Jamal berkata, Bukit Gapis juga mempunyai nilai sejarah tersendiri yang menjadi tempat perlindungan kaum wanita pada zaman penjajahan Jepun sekitar 1940-an selain air sungainya yang menjadi sumber utama kepada penduduk ketika itu.

"Sebab itu, kita mencadangkan kerajaan membangunkan semula Bukit Gapis atau 'Gunung Melaka' ini sebagai kawasan eco-pelancongan serba lengkap untuk menarik lebih ramai pelancong ke daerah Jasin.

"Ia secara tidak langsung juga dapat meningkatkan ekonomi penduduk setempat yang berniaga secara kecil-kecilan di kampung apabila tempat ini semakin ramai pengunjung," katanya.



PETA Gunung Melaka.

# Kepuasan pelanggan keutamaan Rainbow Catering

Saliawati Salberi

AYER KEROH - "Walaupun ada kalanya penat tetapi apabila pelanggan berterima kasih dan mengatakan apa yang dihidangkan 'sedap' dan menetapi selera serta undangan di hari perkahwinan mereka, ia amat memberi kepuasan kepada saya serta pekerja."

"Malah apa yang mendorong saya terus berjuang dan menyediakan perkhidmatan katering ini adalah memberi ruang untuk membantu menyediakan peluang pekerjaan kepada mereka yang memerlukan," kata pemilik Rainbow Catering, Asiah Sahak.

Menurut ibu kepada dua anak itu, dia yang secara kebetulan berkecimpung dalam bidang perkhidmatan katering selepas membantu rakannya sebelum 'terjebak' sama dan memulakan perniagaan itu secara kecil-kecilan 15 tahun lalu.

Katanya, tempoh 15 tahun bukan satu tempoh yang pendek untuk dia bertahan sehingga kini dan dalam jangka masa itu banyak mengajarnya untuk memperbaiki serta menyediakan perkhidmatan terbaik buat pelanggannya bukan hanya untuk majlis perkahwinan tetapi pelbagai majlis keraian lain.

"Saya sendiri pada awalnya tidak percaya beralih ke katering kerana sebelum ini saya bekerja di bidang IT. Tetapi apa yang membuatkan saya beralih bidang adalah dengan perkhidmatan katering ini membuatkan saya dapat bergaul rapat dengan masyarakat sekeliling.

"Apa yang membuatkan saya begitu teruja untuk memulakan katering ini apabila rakan memberi

saya komisyen kerana menolongnya mendapatkan pelanggan dan mereka memuji masakan yang dihidangkan sedap serta menepati selera," katanya.


Ujar Asiah, bermula dengan perkhidmatan kecil-kecilan hanya dibantu keluarga terdekat dia kini mempunyai 10 orang pekerja tetap dan 60 pekerja separuh masa selain suaminya bertanggungjawab sebagai tukang masak menyediakan hidangan nasi beriani secara tradisional dengan menggunakan kayu api.

"Bagi saya apa yang penting dan menjadi keutamaan adalah kepuasan pelanggan bukannya semata-mata keuntungan dan disebabkan itu kami sendiri akan turun padang memastikan kelancaran majlis tidak meletakkan tugas dibahru pekerja," katanya.

Pemilik perkhidmatan katering dan kanopy itu berkata, pakej yang ditawarkan adalah harga mampu milik dan hiasan diberikan secara percuma kepada pelanggan.

"Secara luaran ramai yang beranggapan dengan hiasan yang gahar dan perkhidmatan terbaik apabila menyediakan antara 25 hingga 30 pekerja pada satu majlis ia adalah pakej yang mahal sebaliknya kami menawarkan pakej mampu milik kepada semua lapisan masyarakat.

"Dalam memastikan mutu hidangan dan perkhidmatan terus menambat hati pelanggan, setiap



AINA Aszlyn Jefri dan Abdul Razak Ali menunjukkan nasi lemak bunian dan roti sarang burung yang menjadi pilihan pelanggan.



RAINBOW Catering menyediakan antara 25 hingga 30 pekerja pada satu majlis, bergantung kepada pakej yang ditawarkan.

kali selesai majlis kami akan bertanyakan pandangan dan mendapatkan kritikan agar dapat diperbaiki," katanya.

Tambahan, sudah pasti separjang berniaga akan ada cabaran dan dugaan namun semua itu dijadikan penguat semangat untuk dia terus berjaya dan memperluaskan perniagaannya.

"Sudah pasti pelbagai kerennah dan ragam pelanggan ditemui namun itu tidak dapat dielakkan dan bagi saya setiap apa dugaan yang hadir pastinya kemudian akan datangkan kesenangan.

"Insyaallah dalam tempoh dua tahun perancangan saya ingin

mempunyai dewan sendiri dan ini akan memudahkan lagi urusan perkhidmatan kami malah lokasinya juga sudah dikenal pasti," katanya yang banyak dibantu oleh anak sulungnya Aina Aszlyn Jefri, 24.

Mengulas mengenai pandemik wabak COVID-19 yang melanda, Asiah berkata, sudah pasti perniagaan katering yang diusahakannya juga terkesan sehingga dia mengambil keputusan membuka

restoran sarapan pagi dengan mencipta menu Nasi Lemak Bunian, rendang ayam, daging, paru dan sotong sambal.

"Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tiada tempahan jadi tidak sampai hati melihat pekerja tiada

puncu pendapatan saya mengambil keputusan membuka restoran sarapan pagi dengan menampilkan menu yang unik tetapi menjadi pilihan ramai.

"Tidak sangka restoran yang mula beroperasi pada raya kedua Aidilfitri lalu mendapat sambutan ramai malah roti sarang telur juga dan rendang ayam antara menu pilihan pelanggan," katanya.



SUSUNAN urut yang bersistem menjadikan pakej yang ditawarkan Rainbow Catering agak istimewa buat pelanggannya.



RAINBOW Catering juga berpengalaman mengendalikan majlis VIP serta VVIP.

# Rainbow Clear Enterprise

**KAMI MENYEDIAKAN  
PERKHIDMATAN  
KATERING & KANOPI**

- Nasi Briyani/ Nasi Putih
- Daging Kuzi
- Ayam Masak Merah
- Dalca
- Paceri Terung
- Buah Limau Sunquick

- 3 Pinggan Hidangan Ayam
- 3 Pinggan Hidangan Udang
- 3 Pinggan Hidangan IkanSiakap@Bawal
- Air Sunquick & Mineral

- 5 Buah Khemah Arabian
- Kerusi & Meja Bersarung
- Kipas & Lampu
- Makanan Untuk 1000 Orang
- + 200 Orang
- Lauk Pegantin
- Kendarat
- Pinggan/Cawan, Buffet, Tisu

**MENU UTAMA**

**MENU PENGANTIN**

**PAKEJ TERMASUK**

**HUBUNGI SEGERA  
016-644 8206**

TEL : 016-644 8206, 018-244 6102, 018-665 0178

ASIAH BINTI SAHAK

BATU 6 1/2, SOLOK SETULANG DAENG,  
BUKIT RAMBAI 75250 MELAKA

f Rainbow Katering Melaka

# PM endorses more rakyat-centric initiatives for Iskandar Malaysia

JOHOR BAHRU - Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin recently has expressed satisfaction that the people in Iskandar Malaysia continue to benefit from development of the region and endorsed more rakyat-centric initiatives that can further raise their standard of living.

Muhyiddin, who is also the co-chairman of the Iskandar Regional Development Authority (IRDA), said Iskandar Malaysia, as an economic region, has shown excellent investment achievements from its inception until now.

"However, I am more excited to see the region's many accomplishments in ensuring that the rakyat are not left behind and building a cohesive and resilient community amidst its fast-paced development," said the Prime Minister after IRDA Members of Authority (MoA) meeting via a video conferencing on recently.

The statement on the meeting was released by IRDA

here last week.

According to IRDA, Iskandar Malaysia recorded a whopping RM322.1 billion total cumulative investment from 2006 to June 2020, during which more than 750,000 jobs were created.

Meanwhile, IRDA chief executive Datuk Ismail Ibrahim said the wealth sharing and inclusiveness agenda in the Comprehensive Development Plan (CDPii) aimed to achieve equitable wealth for the community living in Iskandar Malaysia.

"An important aspect in ensuring that this agenda is sustainable is to ensure that the ecosystem promotes social connectedness to help the society participate in decision-making process and implementation of locally-based initiatives," said Ismail.

One key proposal brought up during the MoA meeting is to organise a data collection effort through the civil society organisations (CSOs) and non-governmen-

tal organisations (NGOs) through the use of technology.

Muhyiddin said by using data captured by CSOs and NGOs and harnessing technology to analyse this data, it would help the authorities and other partners in Iskandar Malaysia to propose more effective, evident-based solutions and initiatives for the well-being of the people.

Another proposed initiative is to enhance community-based institutions leader competencies and skills.

The recommendation is for committees and appointed community representatives and leaders to go through a structured capacity-building exercise to enhance their effectiveness in delivering their roles to help the government to empower the people in instilling a sense of ownership.

Community leaders and representatives who can better communicate with confidence can rally better participation from their community," said Muhyiddin.



MUHYIDDIN Yassin. Photo by Muhyiddin's Facebook.

A third proposal is to support the current Prihatin Rakyat Economic Stimulus Package (PRIHATIN) and National Economic Recovery Plan (PENJANA) initiatives by the government by incorporating financial literacy learning modules in all existing empowerment pro-

grammes.

While the government's two initiatives would provide immediate financial support and relief to the people, good financial planning skills would help them further in organising and spreading their financial resources, he added.

"I trust that other

members of IRDA Members of Authority (MoA) board concur with me on the rakyat-centric agenda in Iskandar Malaysia and endorse all the proposed initiatives to help the rakyat further, especially during and after the COVID-19 pandemic," said Muhyiddin.- BERNAMA



## JAWATAN KOSONG

Melaka Hari Ini Sdn. Bhd. dengan ini mempelawa calon-calon Bumiputera Warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang berkelayakan dalam bidang berkaitan untuk mengisi jawatan di Melaka Hari Ini Sdn.Bhd.

HANYA CALON TANG BERKELAYAKAN SAHAJA AKAH DIPANGGIL UNTUK DITEMUDUGA.

BIL	JAWATAN	TARAF	SYARAT KELAYAKAN	KEKOSONGAN JAWATAN
1.	PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT	PERENCANAAN DAN PENGETAHUAN (PPR)	<p>I. Jazah Sarjana Muda kejuruteraan dalam bidang sains komputer dan teknologi maklumat atau bidang berkaitan yang diliktir oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diliktir selain dengannya;</p> <p>Atau</p> <p>Jazah Sarjana Muda kejuruteraan dalam bidang komputer atau bidang berkaitan yang diliktir oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diliktir selain dengannya;</p> <p>II. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 2 tahun di dalam bidang berkaitan;</p> <p>III. Mempunyai pengetahuan dan kemahiran dengan rangkaian protokol komputer seperti TCP/IP, POP3, SMTP, HTTP, HTTPS.</p> <p>IV. Mempunyai pengetahuan dan kemahiran menggunakan bahasa pengalihcaraan komputer seperti MySQL, HTML, Java, JavaScript, Visual Basic 6.0 atau .Net, MS Frontpage, JSP, dan lain-lain;</p> <p>V. Mempunyai pengetahuan menggunakan Adobe Photoshop, Illustrator, Dreamweaver adalah kelebihan tambahan.</p> <p><b>DESKRIPSI TUGAS :</b></p> <p>1. Berfunggungjawab memastikan sistem rangkaian (networking), sistem server, sistem unit internet, sistem firewall untuk virus pejabot berfungsi dengan baik.</p> <p>2. Berfunggungjawab memastikan reka bentuk laman web adalah mudah pengguna dan mendekat.</p> <p>3. Menambah elemen baharu dan membuat pergeseran terhadap ke laman sejia ada.</p> <p>4. Berfunggungjawab menjalankan tugas-tugas lain yang disaraskan dat masuk ke semasa oleh pihak Pengurusan Melaka Hari Ini Sdn. Bhd.</p>	1 Orang

Calon-calon boleh menghantar permohonan di pejabat Melaka Hari Ini Sdn. Bhd. atau emel ke hr.mhi@qmail.com

Untuk maklumat lanjut sila hubungi : Puan Nurhazirah Binti Abdul Aziz (06-2519 314/15)  
Tarikh tutup permohonan pada : 6 November 2020  
Bertempat di : MELAKA HARIINI SDN. BHD.  
Bangunan Rumah Media Melaka,  
Jalan Lingkaran MITC, 75450 Ayer Keroh, Melaka



## PERSATUAN PEMULIHAN ORANG KURANG UPAYA (BARU)

(New Society for The Rehabilitation of The Disable)  
(PPM-015-04-09012019)

No. 10, Jalan TU 61, Taman Tasek Utama,  
Ayer Keroh, 75450 Melaka.

Kepada :

**Semua ahli-ahli lama Persatuan Pemulihan Orang Kurang Upaya negeri Melaka dijemput hadir**

## NOTIS PANGGILAN MESYUARAT AGUNG (AGM) PPOKU BARU KALI KE-2

Sukacita merujuk kepada perkara di atas, adalah dengan ini, satu NOTIS MESYUARAT AGUNG (AGM), PPOKU BARU telah dikeluarkan mengikut ketentuan berikut:

Tarikh : 31 OKTOBER 2020

Masa : 2.30 Petang

Tempat: DEWAN PPOKU, AYER KEROH, MELAKA.

### 2. Agenda

- : 1. Ucapan Pengerusi.
- : 2. Mengusulkan Resolusi Pindaan Pelembagaan baru PPOKU (Baru) ke perlembagaan asal.
- : 3. Pelaporan kewangan.
- : 4. Status kedudukan keahlian lama.
- : 5. Hal-hal lain.

3. Kehadiran tuan/puan amat dihargai dan diperlukan agar dapat menentukan kesinambungan dan halatuju PPOKU (Baru) jelas dan tercapai. Kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan didahului dengan ucapan terima kasih.

# JDT rugi RM35 juta

Foto Sumber Facebook  
JOHOR Southern Tigers

JOHOR Darul Ta'zim (JDT) mengalami kerugian sekurang-kurangnya RM35 juta tahun ini kesan pandemik COVID-19, demikian dedah pemiliknya Tunku Mahkota Johor Tunku Ismail Sultan Ibrahim pada 21 Oktober lepas.

Menjengkakan JDT hanya dapat menstabilkan semula kedudukan kewargannya dalam tempoh satu hingga dua tahun lagi, Tunku Ismail juga mengunjurkan perbelanjaan yang lebih berhemat pada tahun depan.

"Tempoh ini merupakan tempoh yang mencabar, COVID-19 menjelaskan ketabahan kewangan kami. Ini satu dugaan yang amat besar, jadi tahun depan kami kena lebih berjimat," katanya kepada pemberita di ibu pejabat JDT di Stadium Sultan Ibrahim.

Sementara itu, Tunku Ismail juga memaklumkan



TUNKU Ismail Sultan Ibrahim.

pihaknya kini dalam peringkat akhir untuk memukamadkan beberapa isu sebelum mencapai sasaran kelab bernilai RM1 bilion pada tahun depan.

"Saya rasa kami kini dalam 75 hingga 80 peratus dan kena muktamadkan beberapa perkara untuk kami dapat penuhi syarat-syarat mungkin menjelang perten-

gahan tahun depan (dapat direalisasikan)," katanya.

Tunku Ismail turut mendedahkan pada masa ini terdapat empat syarikat antarabangsa berminat untuk bekerjasama dengan JDT termasuk menjadi penaja.

Diharapkan kehadiran syarikat ini akan membawa impak positif kepada JDT, katanya.-BERNAMA



MOHD FAIZUL ABDUL MAJID

## Gergasi 'terciduk', si kerdil memukau!

BUKAN lagi rahsia Liga Perdana Inggeris menjadi antara saingan liga bola sepak yang mempunyai peminat paling ramai termasuklah di negara ini.

Saingan musim 2020/21 yang dibuka tirai pertengahan bulan lalu, nyata menyuntik lebih banyak elemen drama dan aksi di luar dugaan daripada 20 pasukan yang bertanding.

Sedang tumpuan terarah kepada pasukan gergasi seperti Liverpool, Manchester City, Manchester United dan Arsenal, namun siapa sangka pasukan kerdil seperti Aston Villa dilihat lebih memukau..

Aston Villa, skuad bimbingan Dean Smith kini mencatatkan rekod tanpa kalah dalam empat aksi pembukaan EPL, termasuklah merekodkan tiga perlawanan tanpa bolos!

Bukan itu sahaja, lebih membanggakan pasukan yang ditubuhkan pada 21 November 1874 itu turut mencipta kejutan apabila membelas juara bertahan EPL, Liverpool 7-2 pada aksi yang berlangsung 5 Oktober lalu.

Biar pun menjadi pasukan berstatus 'underdog', Aston Villa membuktikan mereka berada di kelas tersendiri.

Dengan membelanjakan sekitar RM400 juta (£74.12 juta), pasukan yang digelar Lions itu jelaslah mempunyai misi tersendiri untuk menggembirakan penyokong dalam saingan EPL musim ini.

Biar pun membawa masuk pemain kurang ternama seperti Matty Cash dari Nottingham Forest, Emi Martinez (penjaga gol) dari Arsenal, serta bekas penyerang Olympique Lyon, Bertrand Traore, pasukan ini menunjukkan kualiti yang cukup membanggakan apatah lagi kini menduduki tangga kedua liga dengan hanya diberikan satu mata oleh pendahulu Everton yang berkelebihan satu perlawanan.

Bukan sahaja Aston Villa, pasukan yang baru dipromosikan dari Liga Kejuaraan musim lalu, Leeds United turut memberi saingan yang cukup sihat pada permulaan musim.

Biarpun tewas pada aksi pembukaan di tangan Liverpool, namun skuad bimbingan Marcelo Bielsa itu menunjukkan semangat juang yang tinggi sebelum tewas 3-4.

Selepas itu, mereka terus menunjukkan kematangan dengan memenangi dua perlawanan menentang West Bromwich Albion dan Sheffield United selain turut mengikat juara musim 2018/19, Man-

chester City 1-1.

Situasi itu jelas menunjukkan keinginan besar pasukan-pasukan kerdil untuk mencabar kejuaraan EPL musim ini.

Namun, berbeza pula dengan kelab berstatus gergasi EPL yang seolah-olah masih menyimpan kuku dan taring.

Mengambil contoh Chelsea yang berbelanja mewah sehingga RM833 juta (£154.08 juta) untuk membawa masuk pemain ternama seperti Kai Havertz dan Timo Werner.

Biar pun dari luaran nampak serba gah, namun, keputusan yang diperoleh The Blues dalam saingan EPL musim ini jelas menampakkan kejanggalan terutama apabila sekadar menang dua perlawanan dan selebihnya seri serta tewas.

Begitu juga dengan Liverpool yang kini seolah-olah seperti hilang sengat musim ini. Biarpun memenangi tiga perlawanan, namun semangat yang dibawakan kali ini tidak seperti musim-musim terdahulu.

Dugaan lebih hebat kini melanda skuad kendalian Jurgen Klopp apabila beberapa pemain pentingnya mengalami kecederaan.

Kecederaan yang dialami penjaga gol utamanya, Alisson Becker membuat benteng terakhir mereka tampak lemah dan mudah dibolosi sejak kebelakangan ini termasuklah dibolosi tujuh gol ketika menentang Aston Villa awal bulan lalu.

Lebih buruk, The Kop turut kehilangan pemain pertahanan tengah terbaik dunia, Virgil van Dijk yang disahkan mengalami kecederaan ACL dan bakal diketepikan untuk tempoh berbulan-bulan lamanya.

Adakah petanda itu bakal menyaksikan Liverpool yang dahulunya gah mencabar tiga tempat teratas bakal jatuh merundum musim ini?

Bagaimana pula dengan Manchester United dan Arsenal yang turut suram dengan mencatat dua kekalahan pada awal musim ini?

Mungkinkah ada magis yang masih tersimpan untuk 'kuasa-kuasa besar' EPL ini mencabar kembali kejuaraan selepas ini?

Persoalan-persoalan itu pastinya akan terjawab sehingga saingan musim ini melabuhkan tirainya tahun depan.

Apa yang pasti, dijangka akan ada lebih banyak kejutan dan drama penuh warna-warni bakal disaksikan hingga membuatkan semua peminat EPL tidak senang duduk dibuatnya.



LIVERPOOL (berjersi hitam) diaibkan Aston Villa dalam aksi Liga Perdana Inggeris pada 5 Oktober lalu.



SULAIMAN berkata sesuatu dengan barisan pemain boling SUKMA Melaka yang menjalani latihan di MIBC.

## Kata semangat 'tonik' buat Boling SUKMA Melaka



WALAUPUN negara terkesan akibat pandemik COVID-19, namun ia bukan alasan buat pasukan boling SUKMA Melaka menjalani latihan dalam suasana 'norma baharu', ditambah pula Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali memberikan kata semangat buat mereka.

MS23

## PENANGAN COVID-19, JDT RUGI RM35 JUTA

MS23



MS23